



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI, KESEDARAN RISIKO DAN KECEKAPAN TERHADAP KEPUASAN DALAM AKTIVITI RAKIT ARUS DERAS

HAJAR ASMIDAR BINTI SAMAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini mengkaji hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras. Reka bentuk deskriptif tinjauan dan korelasi digunakan dalam kajian ini. Soal selidik *Recreation Experience Preferences* (REP) digunakan bagi mengkaji faktor motivasi dan *Dimension of an Adventure Experience* (DAE) bagi menguji kesedaran risiko dan kecekapan. *Leisure Satisfaction Scale* pula digunakan bagi mengkaji tahap kepuasan peserta rakit arus deras. Responden kajian terdiri daripada 404 orang yang menyertai aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak. Analisis min, sisihan piawai, ujian-t tidak bersandar, MANOVA dan korelasi Pearson digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan, alam semula jadi, keterujaan dan sosiabiliti sebagai motivasi utama di dalam aktiviti rakit arus deras manakala tahap kepuasan yang tinggi direkodkan di dalam faktor estetik, psikologikal dan sosial. Peserta menyedari tahap risiko menurun dan tahap kecekapan meningkat selepas didedahkan kepada aktiviti rakit arus deras. Kajian ini menunjukkan hubungan yang positif di antara motivasi dan kecekapan terhadap kepuasan, manakala hubungan yang negatif direkodkan bagi risiko dan kepuasan. Kajian ini membuktikan bahawa, motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan berkait rapat dengan kepuasan di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras. Kesimpulannya, faktor motivasi yang mendorong peserta menyertai rakit arus deras tidak semestinya menjadi faktor yang sama yang menyumbang kepada kepuasan peserta. Implikasinya, operator aktiviti dan pihak yang berkaitan perlu merancang strategi untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kepuasan estetik, psikologikal dan sosial peserta rakit arus deras untuk menjamin kepuasan yang tinggi di dalam penyertaan aktiviti ini.





RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION, RISK AWARENESS AND COMPETENCE TOWARDS SATISFACTION IN WHITE WATER RAFTING ACTIVITY

ABSTRACT

This study aimed to examine the relationship between motivation, risk awareness and competence towards satisfaction in whitewater rafting activity. A survey and correlational descriptive method are employed in the study. The Experience Recreation Preferences (REP) questionnaire was used to measure the motivation factor and the Dimension of an Adventure Experience (DAE) was used to test the level of risk and the level of competence perceived by the participants. The Leisure Satisfaction Scale was used to assess the participant's level of satisfaction in whitewater rafting activity. The participants consisted of 404 people who participated in whitewater rafting at Kampar River, Perak. The mean, standard deviation, independent t-test, MANOVA and Pearson correlation were utilized to answer the research questions. Results showed that elements of nature, excitement and sociability were the main motivation in whitewater rafting activity. Higher satisfaction levels were observed in the aesthetic, psychological and social dimension. The participants perceived the level of risk decreased while the level of competence increased after being exposed to whitewater rafting activity. This study revealed a positive relationship between motivation and perceived competence towards satisfaction, while negative relationship was found between perceived risk and satisfaction. The study proved that, the motivation, perceived risk and competence are associated with satisfaction in whitewater rafting participation. In conclusion, the motivational factors that encourage participants to join whitewater rafting activity may not necessarily be the same factors that contribute to satisfaction of participants. Implication of the study, the operators of the activity and the related parties need to identify factors that contribute to satisfaction of aesthetic, psychological and social in whitewater rafting to ensure higher satisfaction in participation of this activity.





KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	6
1.3 Kerangka Konsep.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Persoalan Kajian.....	12
1.6 Kepentingan Kajian.....	14
1.7 Limitasi Kajian.....	15
1.8 Definisi Operasional.....	16



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 20

2.2 Model Rekreasi yang Berisiko 21

2.3 Model Rekreasi Berasaskan Cabaran..... 23

2.4 Kerangka Teoretikal Kajian 27

2.5 Kajian-Kajian berkaitan Motivasi dalam Aktiviti Rekreasi Berasaskan Cabaran 29

2.6 Risiko 32

2.6.1 Kesedaran Risiko dan Kecekapan 34

2.7 Kajian-Kajian berkaitan Kesedaran risiko dan Kecekapan di dalam Aktiviti Rekreasi Berasaskan Cabaran..... 36

2.8 Kepuasan 39

2.9 Kajian Lepas yang Menggunakan Skala *Leisure Satisfaction* 41

2.10 Rumusan 42

BAB 3 METODOLOGI 43

3.1 Pengenalan 43

3.2 Reka bentuk Kajian 43

3.3 Kaedah Persampelan 45

3.4 Instrumentasi 46

3.4.1 Inventori Sosio-demografi 47

3.4.2 Skala *Recreation Experience Preferences* (REP)..... 48

3.4.3 Skala *Dimension of an Adventure Experience* (DAE)..... 49



3.4.4	Skala <i>Leisure Satisfaction</i>	50
3.4.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	52
3.4.6	Penterjemahan Instrumen	53
3.4.7	Kajian Rintis	54
3.5	Proses Pengumpulan Data.....	57
3.5.1	Soal Selidik Bahagian Pertama	57
3.5.2	Soal Selidik Bahagian Kedua	58
3.6	Analisis Data.....	59
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		62
4.1	Pengenalan	62
4.2	Saringan Data	63
4.3	Kehilangan data, Normaliti, dan Outlier.....	63
4.4	Maklumat Profil Demografi Peserta	67
4.5	Analisis bagi Faktor Motivasi	68
4.5.1	Perbezaan min faktor motivasi bagi jantina	69
4.5.2	Perbezaan min faktor motivasi bagi tahap pengalaman	72
4.6	Ujian <i>Multivariate analysis of variance</i> (MANOVA).....	74
4.6.1	Kesedaran risiko dan Kecekapan (pra-ujian dan pasca-ujian)..	76
4.6.2	Kesedaran risiko dan Kecekapan Peserta berdasarkan Jantina (pra-ujian dan pasca-ujian).....	77



4.6.3 Kesedaran risiko dan Kecekapan Peserta berdasarkan Tahap
Pengalaman (pra-ujian dan pasca-ujian) 78

4.7 Analisis bagi Tahap Kepuasan 80

4.7.1 Perbezaan min tahap kepuasan bagi jantina 80

4.7.2 Perbezaan min tahap kepuasan bagi tahap pengalaman 82

4.8 Hubungan antara Motivasi, Kesedaran risiko dan Kecekapan terhadap
Kepuasan 84

4.8.1 Motivasi dan Kepuasan 85

4.8.2 Kesedaran risiko, Tahap Kecekapan dan Kepuasan 86

4.9 Rumusan 86

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 89

5.1 Pengenalan 89

5.2 Perbincangan 90

5.2.1 Demografi peserta 90

5.2.2 Motivasi 91

5.2.3 Risiko dan Kecekapan 96

5.2.4 Kepuasan 98

5.2.5 Hubungan antara Motivasi, Kesedaran risiko dan Kecekapan
terhadap Kepuasan 100

5.2.6 Implikasi Teoretikal 102

5.2.7 Implikasi Praktikal 104

5.2.8 Cadangan untuk kajian lanjutan 108

5.3 Kesimpulan	110
Rujukan	112
Lampiran	121

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Mukasurat
3.1	Subskala dimensi risiko dan kecekapan..... 50
3.2	Alfa Cronbach Faktor Motivasi 56
3.3	Alfa Cronbach Faktor Kepuasan..... 57
3.4	Teknik analisis data..... 60
4.0	Statistik Deskriptif Normaliti..... 65
4.1	Ujian Normaliti 66
4.2	Statistik demografi profil peserta..... 68
4.3	Statistik skor min bagi Faktor Motivasi..... 69
4.4	Faktor motivasi di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan jantung..... 70
4.5	Perbezaan min faktor motivasi berdasarkan jantung (Ujian-t) 71
4.6	Faktor motivasi di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan tahap pengalaman 72
4.7	Perbezaan min faktor motivasi bagi tahap pengalaman (Ujian-t)..... 73
4.8	Jarak Mahalanobis 75
4.9	Min dan Sisihan Piawai bagi Kesedaran risiko dan Kecekapan (pra-ujian dan pasca-ujian)..... 76
4.10	Perbezaan dalam kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantung (ujian Multivariat) 77



4.11	Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantina (pra-ujian dan pasca-ujian)	77
4.12	Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan di antara pra-ujian dan pasca-ujian berdasarkan tahap pengalaman (ujian Multivariat).....	78
4.13	Ujian Kesan Antara-Subjek	79
4.14	Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan bagi tahap pengalaman peserta (pra-ujian dan pasca-ujian).....	79
4.15	Statistik skor min bagi Faktor Kepuasan	80
4.16	Perbezaan min faktor kepuasan bagi jantina.....	81
4.17	Faktor kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan jantina.....	82
4.18	Perbezaan min faktor kepuasan bagi pengalaman	83
4.19	Faktor kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan pengalaman	84
4.20	Korelasi bagi Faktor Motivasi dan Faktor Kepuasan	85
4.21	Korelasi bagi Kesedaran Risiko, Kecekapan dan Kepuasan	86



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Mukasurat
1.1 Kerangka Konsep.....	10
2.1 Model Deskriptif Penglibatan Rekreasi yang berisiko secara Berkekalan (Robinson, 1992)	23
2.2 Model Rekreasi Berasaskan Cabaran (Ewert & Hollenhorst, 1989)	25
2.3 Kerangka Teoretikal yang menggunakan Model Rekreasi yang Berisiko (Robinson, 1992) yang diubahsuai.	28
2.4 Paradigma Pengalaman Berasaskan Cabaran (Martin dan Priest, 1986).....	35
3.1 Persampelan rawak dua tahap	45
3.2 Aliran prosedur pengumpulan data	59
4.0 Outlier Ujian Kotak-Plot.....	67

SENARAI SINGKATAN

REP	<i>Recreation Experience Preferences</i>
DAE	<i>Dimension of an Adventure Experience</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Pengesahan Terjemahan Soal Selidik
- C Surat Pengesahan Kebenaran Menjalankan Kajian
- D Ujian Normal Q-Q Plot
- E Ujian Plot Taburan *Scatterplot*
- F Sijil Penyertaan *The 1st International Conference on Sustainable Health Development*
- G Sijil Penyertaan *The 2nd International Conference on Physical Education, Health and Sports Science 2016*



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, penglibatan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran kian meningkat popularitinya (Ewert, Gilbertson, Luo & Voight, 2013; Price & Driscoll, 2010; Vagias, Morais, & Dziubek, 2005). Peratus penyertaan dalam aktiviti rekreasi yang melibatkan risiko dilaporkan telah meningkat dari tahun 2012 hingga 2013. Peningkatan dilaporkan sebanyak 7 peratus bagi kedua-dua aktiviti kayak arus deras dan aktiviti mendaki (Outdoor Industry Foundation, 2013). Penyertaan dalam rekreasi berasaskan cabaran dilihat dapat memberikan manfaat dan faedah kepada peserta. Dalam aktiviti rekreasi luar secara umumnya, ia dapat menyumbang kepada keseronokan dan pencapaian sendiri (Robert, 2001), pembangunan sendiri, rasa rendah diri, perkembangan rohani, keperluan interaksional (Edginton, DeGraaf, Dieser & Edginton, 2006), membina





ikatan kekeluargaan yang meningkatkan kesepaduan sosial hubungan peribadi (Driver, Brown, & Peterson, 1991) serta hubungan interpersonal dan faedah fizikal (Whiting, Pawelko, Green & Larson, 2011).

Rakit arus deras khususnya merupakan salah satu aktiviti rekreasi berasaskan cabaran yang dapat memberikan manfaat dan faedah kerana aktiviti ini memerlukan kerja berpasukan dan disertakan dengan elemen alam semula jadi (Vagias, Morais & Dziubek, 2005). Aktiviti ini menawarkan darjah kederasan air yang berbeza dalam membekalkan keseronokan dan keterujaan kepada peserta. Aktiviti berakit arus deras dikategorikan sebagai aktiviti yang berisiko tinggi (Bentley, Page & Laird, 2001; Beckman, 2013). Risiko kecederaan yang serius boleh berlaku apabila tercampak keluar dari bot getah dan terdedah kepada bahaya seperti lemas, pendedahan kepada air yang sangat sejuk dan terperangkap di celah-celah batu di dalam sungai. Namun, risiko ini tidak menghalang peserta untuk menyertai aktiviti berakit arus deras. Penambahan elemen risiko dan ketidakpastian yang dicari oleh peserta dapat membuatkan pengalaman mereka lebih mencabar dan menguji kecekapan mereka.

Hasil temu bual bersama operator aktiviti rakit arus deras, syarikat-syarikat perintis yang menawarkan aktiviti rakit arus deras mula bertapak di Malaysia pada awal tahun 1990 (Faisal Kadir, Mohd Hasrol & Farah Zaima, komunikasi peribadi, 4 Disember, 2014). Oleh yang demikian, aktiviti rakit arus deras dikomersialkan dalam beberapa dekad lalu. Lokasi rakit arus deras boleh didapati di beberapa kawasan seperti di Sungai Endau Rompin di Johor, Sungai Kenaboi di Negeri Sembilan, Sungai Sedim di Kedah, Sungai Nenggiri di Kelantan, dan beberapa lokasi di Perak dan Borneo yang sesuai untuk aktiviti berakit (Jaffry, Mohd Taib & Norlena, 2013).





Masyarakat memilih dan menyertai aktiviti rekreasi untuk memuaskan sesuatu matlamat di mana penglibatan mereka di dalam aktiviti tersebut adalah kerana hasil psikologikal yang telah diketahui, dijangka, atau yang telah dinilai (Manning, 1999). Kefahaman terhadap kepuasan peserta adalah parameter asas yang digunakan untuk menilai tahap prestasi perkhidmatan dan produk sesuatu destinasi (Noe & Uysal, 1997; Schofield, 2000). Oleh yang demikian, tahap kepuasan peserta dapat menonjolkan kekurangan dan kelebihan terhadap pelaksanaan aktiviti secara keseluruhannya. Kepuasan adalah satu konsep yang penting untuk difahami, tetapi untuk merungkai kepuasan dengan lebih mendalam, faktor yang menyumbang kepada kepuasan perlu dikaji (Beggs & Elkins, 2010).

Antara faktor yang menyumbang kepada kepuasan di dalam aktiviti rekreasi ialah tahap risiko yang optimal (Nowacki, 2012). Ketiadaan risiko akan menyebabkan penyusutan tahap kepuasan yang diterima oleh peserta dalam aktiviti yang seharusnya mencabar (Walle, 1997) dan mengurangkan keinginan untuk terlibat dalam aktiviti berasaskan cabaran (Ewert, 1989). Pengalaman aktiviti berasaskan cabaran juga tidak akan memuaskan apabila risiko yang diambil tidak mampu diterima atau melebihi keupayaan seseorang. Menurut Martin dan Priest (1986), kepentingan untuk merasai tahap cabaran yang optimal akan menjurus kepada pengalaman yang memuaskan.

Pengalaman yang berisiko dan aktiviti berasaskan cabaran memerlukan seseorang untuk menggunakan kawalan, penguasaan, dan pengupayaan sendiri dalam persekitaran yang bebas daripada pelbagai kekangan (Lyng, 2005). Oleh yang demikian, seseorang membuat pilihan untuk keluar dari zon selesa dan menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran seperti rakit arus deras setelah menilai risiko dan



cabaran yang terdapat di dalam aktiviti tersebut. Kesedaran risiko melibatkan penilaian yang subjektif terhadap kecederaan atau kematian yang berpotensi berlaku di dalam sesuatu aktiviti (Davis-Berman & Berman, 2002). Kesedaran risiko yang dinilai oleh seseorang individu biasanya berbeza daripada risiko yang sebenar, kerana kesedaran risiko tersebut adalah penilaian subjektif individu terhadap risiko sebenar yang dilalui. (Priest & Baillie, 1987; Davis-Berman & Berman, 2002). Kesedaran risiko seperti ketakutan yang wujud di dalam minda seseorang individu adalah berbeza-beza dari individu ke individu yang lain dan kesedaran risiko yang timbul daripada satu set faktor yang kompleks termasuk pengalaman sebelum, sifat-sifat peribadi, sosialisasi, dan sebagainya (Morgan & Stevens, 2008).

Walaupun kesedaran risiko yang dinilai oleh peserta dilihat penting kepada pengalaman berasaskan cabaran, individu menggunakan kecekapan mereka yang dilihat dapat menangani bahaya yang dikaitkan dengan risiko untuk memaksimumkan peluang mereka dalam memperoleh pengalaman yang optimal (Morgan & Stevens, 2008). Nowacki (2012) menyatakan bahawa tahap kecekapan mengasingkan peserta berkemahiran daripada peserta-peserta baharu dalam kegiatan rekreasi berasaskan cabaran. Namun, meskipun ramai peserta tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam aktiviti-aktiviti ini, pengurus aktiviti perlu memastikan keseronokan yang optimum untuk kepuasan peserta (Price & Driscoll, 2010). Oleh itu, kesedaran risiko perlu dinilai untuk kepentingan dalam pengalaman aktiviti rekreasi berasaskan cabaran dan juga terhadap strategi pemasaran.

Begitu juga apabila seseorang yang mencapai kepuasan dengan pengalaman rekreasi yang dilaluinya, kepuasan yang dicapai berkait dengan motivasinya untuk



terlibat dalam aktiviti rekreasi tersebut (Beggs, Elkins & Powers, 2005). Peserta mempunyai pelbagai motivasi untuk menyertai sesuatu aktiviti, dan mempunyai tahap kepuasan dan standard yang berbeza (Yoon & Uysal, 2005). Tingkah laku yang membawa kepada penyertaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran dapat dijelaskan dengan mengetahui faktor motivasi yang terlibat (Fluker & Turner, 2000; Oliveira & Pereira, 2008). Risiko dan bahaya yang berpotensi untuk berlaku adalah sebahagian daripada pengalaman di dalam aktiviti berasaskan cabaran. Maka, risiko dilihat sebagai salah satu faktor motivasi yang mendorong pelancong dalam penyertaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran (Price & Driscoll, 2010). Dengan mengetahui bahawa individu atau kumpulan pengguna bermotivasikan hasil atau nilai dan faedah daripada penyertaan aktiviti, pengkaji dapat memahami objektif yang berkaitan yang mempengaruhi tingkah laku (Whiting et. al, 2011). Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengetahui faktor motivasi yang lebih spesifik di dalam penyertaan yang membawa kepada kefahaman mengapa masyarakat melibatkan diri di dalam aktiviti rekreasi yang berisiko tinggi. Tahap kepuasan bergantung kepada tahap terlaksananya kemahuan dan pada masa yang sama, ia bergantung kepada persepsi sama ada jurang antara permintaan dan penawaran dapat diatasi atau tidak (Kotler, 2000). Pengalaman akan lebih puas jika jurang antara permintaan dan penawaran lebih kecil. Oleh itu, keberkesanan aktiviti yang dijalankan dapat dilihat melalui tahap kepuasan peserta yang terlibat di dalam aktiviti tersebut.





1.2 Pernyataan Masalah

Menurut kajian *Outdoor Industry Foundation* (2013), 13 juta orang mula menyertai aktiviti rekreasi luar, manakala 12 juta lagi berhenti melibatkan diri. Dianggarkan 32 peratus orang dicatatkan berhenti melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi luar pada tahun antara 2006 hingga 2011 berikutan tahap kepuasan yang rendah terhadap aktiviti-aktiviti tersebut yang merangkumi pelaksanaan aktiviti, persekitaran dan kemudahan yang disediakan (*Outdoor Industry Foundation*, 2013). Statistik ini meliputi aktiviti rekreasi dan pelancongan termasuklah aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Jika perkara ini berterusan, 48 juta orang dianggarkan akan berhenti menggunakan perkhidmatan dan prasarana rekreasi luar dalam dua dekad yang akan datang, dan ia akan menjejaskan industri yang berkaitan.



Tambahan pula, timbul isu di mana aktiviti rekreasi berasaskan cabaran adalah aktiviti yang berbahaya dan terlalu berisiko untuk diambil (*Bentley, Page & Edward* 2008). Isu sesat dan hilang semasa aktiviti pendakian gunung kerap dilaporkan sepanjang tahun 2014. Aktiviti meredah hutan oleh 21 orang pelajar di Gunung Bubu, Perak telah meragut nyawa dua orang daripada peserta ketika aktiviti meredah hutan (“Dua Pelajar Hilang,” 2014). Manakala pada awal bulan April 2014, sepuluh orang yang terdiri daripada kumpulan pelajar dan kumpulan dewasa telah sesat semasa aktiviti mendaki di Gunung Tok Wan, Semenyih, Selangor (“Sekumpulan 10 orang pelajar sesat,” 2014). Kes terbaru dilaporkan di mana 13 pelajar sesat di Gunung Datuk, Negeri Sembilan. Selain itu, tragedi jambatan runtuh sewaktu kem 1Malaysia dijalankan di kem Kuala Dipang, Kampar Perak pada tahun 2009 (“TPM sedih tragedi jambatan runtuh,” 2009). Kejadian tersebut telah meragut nyawa tiga orang murid daripada 298





orang yang menyertai perkhemahan 1Malaysia di daerah kita selatan, Perak. Kes-kes yang melibatkan aktiviti-aktiviti rekreasi ini berlaku akibat daripada tiada pemantauan ketat terhadap aktiviti murid dan prasarana yang kurang baik, seperti kes di Kuala Dipang, (“Segala Aktiviti Perkhemahan Diteruskan,” 2009) dan ketiadaan juru pandu untuk aktiviti pendakian dan meredah hutan, serta kecekapan yang rendah terhadap aktiviti-aktiviti berkenaan (“Industri Sukan Lasak,” 2014). Norzalita, Ahmad Azmi dan Tan (2009) melaporkan di dalam kajian mereka, kurang penglibatan bagi aktiviti rakit arus deras oleh kerana teknik-teknik asas dan kecekapan terhadap aktiviti ini perlu diketahui untuk menjalankan aktiviti tersebut. Oleh sebab itu, operator aktiviti perlu memainkan peranan untuk membimbing peserta yang tidak mampu menangani risiko yang melebihi kecekapan mereka. Bagi aktiviti berakit arus deras, tiada kemalangan serius pernah dilaporkan, namun kecederaan ringan seperti bengkok, tergelincir, terhantuk di batu, kekejangan, sering berlaku sepanjang aktiviti dilakukan (Bentley, Page & Edward, 2008). Akibat daripada kes-kes seperti ini, masyarakat membuat tanggapan yang negatif dan akan ragu-ragu untuk melibatkan diri di dalam aktiviti rekreasi pada masa akan datang. Jika perkara ini berterusan, ia boleh mengakibatkan pusat-pusat rekreasi berasaskan cabaran ditutup daripada menjalankan aktiviti. Oleh itu, pentingnya untuk memahami motivasi peserta, dan bagaimana risiko yang terdapat di dalam aktiviti dapat disesuaikan dengan kemampuan dan kemahiran mereka. Dengan memahami tingkah laku peserta terhadap motivasi dan kesedaran terhadap tahap risiko, ia dapat membantu dalam mengekalkan kepuasan peserta terhadap aktiviti tersebut (Manfredo, Driver & Tarrant, 1996; Prayag & Jankee, 2009).

Operator aktiviti rekreasi berasaskan cabaran khususnya rakit arus deras mensasarkan matlamat dalam menjamin kepuasan di dalam pengalaman yang dilalui





oleh para peserta. Hasil yang positif daripada penyertaan tersebut dapat menjadi dorongan kepada peserta rakit arus deras untuk terus menyertai aktiviti sebegini. Namun kekangan yang dihadapi oleh operator aktiviti di mana kesedaran risiko yang dilihat oleh individu terhadap aktiviti mempunyai pengaruh yang besar terhadap kepuasan dalam pengalaman yang dilalui. Operator aktiviti tidak dapat memahami pendedahan risiko yang bersesuaian dengan peserta dan ini boleh mengekang peserta daripada mencapai kepuasan yang optimal dalam penyertaan. Menurut Davis-Berman dan Berman (2002), sementara pengurus dan pelatih sukan berasaskan cabaran dilatih untuk menjadi pakar dalam penilaian risiko sebenar dan pengurusannya, mereka menerima sedikit atau tiada latihan dalam pengurusan kesedaran risiko yang dinilai oleh peserta.

Dapatan kajian-kajian lampau menyokong kepelbagaian corak motivasi dan hubungan antara risiko dan kecekapan peserta di dalam pelbagai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran (Ewert, Gilbertson, Luo & Voight, 2013; Meisel & Cottrell, 2003; Vagias, Morais & Dziubek, 2005; Fluker & Turner, 2000; Kouthouris, 2009; Wen & Lin, 2012; Prayag & Jankee, 2009; Morgan & Stevens, 2008; Priest & Bunting, 1993). Menurut Mannell dan Kleiber (1997), kepuasan dalam aktiviti kesenggangan mungkin berdasarkan motivasi dan penilaian. Meisel dan Cottrell (2003) menyatakan kepuasan berkait rapat dengan motivasi, apabila individu yang menyertai aktiviti dijangka akan berpuas hati apabila keperluan dan motivasi dipenuhi. Beggs dan Elkins (2010) menyokong dapatan kajian Meisel dan Cottrell (2003) apabila dapatan kajian mereka mendapati kepuasan pelajar berdasarkan motivasi penglibatan dalam aktiviti rekreasi tersebut. Bagi aktiviti berasaskan cabaran, penilaian peserta terhadap kesedaran risiko juga memainkan peranan penting dalam membekalkan pengalaman yang memuaskan. Kesedaran risiko yang dinilai oleh peserta memberi impak kepada kepuasan mereka






(Price & Driscoll, 2010). Beberapa kajian menyokong perubahan kesedaran risiko dan kecekapan peserta dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran (Morgan & Stevens, 2008; Priest & Bunting, 1993). Namun, perubahan kesedaran risiko dan kecekapan di dalam aktiviti perlu dilihat kesannya terhadap kesinambungan daripada perubahan tersebut (Morgan & Stevens, 2008). Vagias, Morais dan Dziubek (2005) menyatakan kajian yang memfokuskan motivasi dan kesedaran risiko di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran masih kurang dijalankan. Oleh yang demikian, kajian masih terhad berhubung dengan bagaimana motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan dapat menyumbang kepada kepuasan peserta di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

1.3 Kerangka Konsep



Di dalam kajian ini, tahap kepuasan peserta dipengaruhi oleh faktor motivasi, kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan mereka di dalam aktiviti rakit arus deras. Pengalaman dan jantina peserta akan memanipulasikan faktor motivasi, penilaian terhadap kesedaran risiko dan kecekapan serta kepuasan mereka di dalam aktiviti rakit arus deras untuk melihat perbezaan terhadap faktor-faktor tersebut. Rajah 1.1 mempamerkan kerangka konsep kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka Konsep

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti motivasi, kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan peserta dalam aktiviti rakit arus deras dan bagaimana kesemua elemen ini berkait dengan kepuasan mereka dalam penyertaan aktiviti tersebut. Kajian terhadap proses kognitif ini perlu dilakukan dalam usaha untuk memahami corak penyertaan mereka dan dalam membekalkan pengalaman yang optimal di dalam aktiviti rakit arus deras.

Objektif yang lebih spesifik di dalam kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui corak motivasi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras.
 - a. Mengetahui perbezaan motivasi peserta berdasarkan jantina di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras.
 - b. Mengetahui perbezaan motivasi peserta berdasarkan pengalaman di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras.
2. Mengetahui perubahan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras.
 - a. Mengetahui perubahan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina.
 - b. Mengetahui perubahan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman.

3. Mengenal pasti perubahan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras.
 - a. Mengenal pasti perubahan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantungina.
 - b. Mengenal pasti perubahan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman.

4. Mengenal pasti tahap kepuasan peserta terhadap aktiviti rakit arus deras.
 - a. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan peserta berdasarkan jantungina.
 - b. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan peserta berdasarkan pengalaman.

5. Mengkaji hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan dalam aktiviti rakit arus deras.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras?
 - a. Adakah terdapat perbezaan terhadap faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantungina?



- b. Adakah terdapat perbezaan terhadap faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?
2. Apakah kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras?
 - a. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?
 - b. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?
3. Apakah kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras?
 - a. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?
 - b. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?
4. Apakah tahap kepuasan peserta terhadap penyertaan aktiviti rakit arus deras yang dilalui?
 - a. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kepuasan peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?





- b. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kepuasan peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?
5. Adakah terdapat hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan peserta?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat menyumbang kepada kefahaman terhadap penyertaan aktiviti rakit arus deras. Kajian ini mengemukakan beberapa dapatan dalam beberapa isu (1) corak motivasi penglibatan peserta, (2) perubahan kesedaran risiko dan kecekapan peserta, (3) keberkesanan pelaksanaan aktiviti rakit arus deras, dan (4) ciri-ciri peserta dalam pasaran aktiviti rakit arus deras.

Dapatan kajian ini dapat digunakan untuk memahami prestasi pelaksanaan aktiviti rakit arus deras. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan aktiviti rakit arus deras dalam menyediakan pengalaman yang berkualiti kepada peserta. Kepentingan untuk melihat prestasi pelaksanaan aktiviti melalui proses penilaian boleh membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap motivasi dan kesedaran risiko yang mungkin mempengaruhi kepuasan dalam aktiviti rakit arus deras. Pemahaman terhadap motivasi dan kesedaran risiko yang dinilai oleh peserta dapat membantu untuk meningkatkan kualiti dalam perancangan dan pembangunan aktiviti selaras dengan peningkatan penyertaan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.



Dapatan kajian ini juga dapat membantu operator aktiviti dalam pengurusan risiko dari sudut peserta memandangkan operator aktiviti hanya sekadar fokus terhadap pengurusan risiko aktuari di dalam aktiviti. Kesedaran risiko mungkin berbeza-beza dengan sifat-sifat dan sejarah individu contohnya peserta berpengalaman dan tidak berpengalaman dan jantina, maka operator aktiviti akan lebih memahami tahap kecekapan terhadap risiko yang terdedah di dalam aktiviti bagi kumpulan-kumpulan peserta yang spesifik untuk menjamin pengalaman yang menyenangkan dan selamat.

1.7 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi di dalam kajian ini iaitu:

1.7.1 Sungai Kampar

Kajian ini hanya fokus kepada satu sungai sahaja iaitu Sungai Kampar, Perak kerana Sungai Kampar merupakan sungai yang aktif dengan aktiviti rakit arus deras. Ini mungkin akan menghadkan generalisasi dapatan kajian terhadap sungai-sungai yang menawarkan aktiviti rakit arus deras. Untuk meningkatkan generalisasi terhadap dapatan kajian, subjek dipilih meliputi penyertaan daripada beberapa operator-operator berbeza yang menawarkan aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak. Sungai Kampar menjadi lokasi kepada kebanyakan operator-operator aktiviti untuk menjalankan aktiviti rakit arus deras. Ini dapat membantu penyelidik untuk mengumpul data berikutan kemudahan untuk mendapatkan sampel dengan cepat dan dalam bilangan yang banyak pada jangka masa yang pendek.



1.7.2 Kesahihan Jawapan Soal Selidik

Penilaian terhadap motivasi, kesedaran risiko, kesedaran kecekapan dan kepuasan peserta diukur berdasarkan kajian soal selidik. Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mengurangkan ralat pada data, penyelidik tidak dapat mengawal kesahihan jawapan yang diberikan dalam kajian soal selidik dalam kajian ini. Untuk mengurangkan kesan tersebut, penyelidik meminta peserta untuk menjawab soal selidik dengan jujur dan tertib.

1.8 Definisi Operasional



i. Operator aktiviti

Operator aktiviti merupakan syarikat pengendalian yang menjalankan aktiviti rakit arus deras yang meliputi pengurusan aktiviti, juru pandu, staf bertugas dan pelatih. Operator-operator perintis rakit arus deras mula bertapak di Malaysia dari tahun 1990-an. Operator-operator ini adalah yang berpengalaman serta berkemahiran dalam pengendalian aktiviti rakit arus deras terutama di Sungai Kampar, Perak. Ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam aktiviti rakit arus deras yang dikendalikan telah mencapai tahap piawai yang ditetapkan. Tenaga pengurusan dan juru pandu pula adalah yang bertauliah dalam bidang rakit arus deras. Tiga operator yang dipilih mempunyai pengalaman yang luas dalam pengendalian aktiviti rakit arus deras dan merupakan operator berdaftar untuk menjalankan aktiviti tersebut di Sungai Kampar.



ii. Motivasi

Motivasi di dalam rekreasi berasaskan cabaran dirujuk sebagai matlamat yang diinginkan yang akan dicapai melalui penglibatan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Dalam kajian ini, motivasi dalam penyertaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran diuji dengan menggunakan *Recreation Experience Preference* (REP) yang digunakan oleh Manfredo, Driver dan Tarrant (1996). Enam elemen motivasi yang diuji ialah (1) Sosial, (2) Alam semula jadi, (3) Kecergasan fizikal, (4) Keterujaan (5) Pengambilan risiko, dan (6) Pencapaian. Soal selidik REP mempunyai skala likert 7 poin.

iii. Risiko

Risiko terdapat dalam bentuk ketakutan, eustress dan distress (Priest, 1992a). Ketakutan merujuk kepada perkara yang mungkin membuatkan seseorang menjadi takut atau meningkatkan rasa takut individu tersebut (Ewert, 1988). Manakala eustress dan distress berkaitan dengan stress (tekanan), masing-masing merujuk kepada tekanan yang positif dan tekanan yang tidak negatif. Pengukuran risiko di dalam kajian ini diukur menggunakan soal selidik *Dimension of an Adventure Experience* (DAE) yang digunakan oleh Priest (1992a). Soal selidik DAE mengandungi satu garisan berterusan yang berukuran 10 cm di antara pasangan adjektif bipolar. Skor mengandungi pengukuran yang bermula dengan 0 cm (rendah) kepada 10 cm (tinggi). Soal selidik DAE ini mengukur kesedaran peserta terhadap tahap risiko yang terdapat di dalam aktiviti.

iv. Kecekapan

Kecekapan terdiri daripada keupayaan dan sikap (Priest, 1992a). Keupayaan merangkumi pengalaman, kepakaran, kemahiran, dan bakat, manakala sikap mencakupi kejayaan, keyakinan, kebolehan, keunggulan, penguasaan, keberanian, kekuatan, dan tidak dapat dikalahkan. Pengukuran kecekapan di dalam kajian ini menggunakan soal selidik Dimension of an Adventure Experience (DAE) yang digunakan oleh Priest (1992a). Kesedaran kecekapan diukur dengan satu garisan berterusan di antara pasangan adjektif bipolar, yang mengandungi pengukuran bermula dengan 0 cm (rendah) kepada 10 cm (tinggi).

v. Kepuasan

Kepuasan merujuk kepada tahap kepuasan peserta secara menyeluruh terhadap pelaksanaan dan pengurusan aktiviti berasaskan cabaran dari aspek psikologikal, pendidikan, sosial, ketenangan, fisiologikal dan, estetik. Kepuasan di dalam kajian ini diukur menggunakan soal selidik *Leisure Satisfaction Scale* (Beard & Ragheb 1980) dengan skala likert 5 poin yang mengandungi enam faktor kepuasan iaitu psikologikal, fisiologikal, sosial, pendidikan, ketenangan dan estetik.



vi. Sungai Kampar

Sungai Kampar terletak di Gopeng, Perak di mana ia adalah salah satu sungai yang dijadikan lokasi aktiviti berakit di Malaysia. Kebanyakan operator-operator di Sungai Kampar berteraskan “*guided-trip*” sejauh 10 kilometer yang mempunyai 14 jeram yang berbeza yang dikelaskan sebagai sungai kelas 1 hingga kelas 3. Operator yang terlibat dalam aktiviti rakit arus deras menggunakan nisbah satu juru pandu kepada enam peserta dalam satu rakit. Juru pandu akan memimpin peserta dalam rakit getah (*inflatable raft*) sepanjang laluan Sungai Kampar. Perjalanan mengambil masa satu jam 30 minit hingga dua jam melalui Sungai Kampar yang penuh dengan pemandangan alam semula jadi di kiri dan kanan sungai.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Bab ini akan mengulas tentang kajian-kajian literatur yang relevan yang menjelaskan model-model dan teori di dalam penyertaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran, dan memahami hubungan di antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan. Bab ini menerangkan tentang (1) rekreasi berasaskan cabaran, (2) model-model dan kerangka teori, (3) kajian-kajian berkaitan motivasi, risiko dan kecekapan serta kepuasan.

2.1 Rekreasi Berasaskan Cabaran

Rekreasi berasaskan cabaran adalah satu cabang daripada rekreasi luar (Weber, 2001).

Menurut Ewert (1989), meskipun kedua-duanya melibatkan aktiviti dan persekitaran



alam semula jadi, rekreasi berasaskan cabaran merujuk kepada keinginan untuk mencari risiko dan ketidakpastian terhadap apa yang akan berlaku. Contoh aktiviti berasaskan cabaran adalah seperti kayak arus deras, mendaki, berakit arus deras, berbasikal gunung, dan selam skuba. Pelancongan berasaskan cabaran pula menawarkan aktiviti rekreasi seperti ini untuk peserta merasai sendiri cabaran dan keterujaan yang melibatkan elemen risiko sebagai tarikan yang menjurus kepada penglibatan (Dickson & Dolnicar, 2004). Pelancongan berasaskan cabaran bermaksud lawatan komersial yang dibimbing di mana tarikan utamanya ialah aktiviti luar di kawasan semula jadi yang memerlukan peralatan yang khusus, dan ia menyeronokkan kepada pelanggan (Buckley, 2006). Berdasarkan definisi ini, rekreasi berasaskan cabaran dan pelancongan berasaskan cabaran akan dirujuk dalam konteks yang sama di dalam kajian ini di mana aktiviti rekreasi berasaskan cabaran adalah satu produk dalam industri pelancongan berasaskan



2.2 Model Rekreasi yang Berisiko


Robinson (1992) menjelaskan proses pengalaman rekreasi berasaskan cabaran dalam model rekreasi yang berisiko. Model ini dibina untuk menerangkan proses penyertaan individu di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Terdapat lima fasa yang terlibat di dalam model rekreasi yang berisiko. Fasa pertama ialah “tarikan: mencari dan menghadapi persekitaran berisiko” di mana individu akan memilih untuk menyertai rekreasi yang berisiko tinggi berdasarkan keinginan mereka terhadap rangsangan dan autonomi. Fasa yang kedua iaitu “penilaian kognitif terhadap risiko situasi: daripada risiko objektif kepada risiko subjektif,” yang merujuk kepada kesedaran individu





terhadap risiko situasi dan kecekapan mereka. Penilaian individu terhadap kesedaran risiko dan kecekapan akan mempengaruhi jangkaan mereka terhadap hasil daripada penyertaan aktiviti. Fasa yang ketiga ialah “membuat keputusan: meneruskan atau menarik diri,” yang merujuk kepada fasa perbuatan di mana individu akan menentukan untuk menyertai atau menarik diri daripada aktiviti berdasarkan kepada fasa-fasa sebelum. Fasa keempat ialah “pengalaman prestasi,” yang merujuk kepada pengalaman risiko yang dilalui di dalam aktiviti. Hubungan yang seimbang antara risiko dan kecekapan akan membekalkan pengalaman berasaskan cabaran yang optimal. Fasa yang kelima dan terakhir ialah “penilaian gerak hati-reflektif: penelitian terhadap pemahaman,” di mana individu akan mencuba untuk memahami samada mengapa mereka telah berjaya atau tidak terhadap daya usaha mereka. Model rekreasi yang berisiko menyediakan konsep yang relevan terhadap kajian ini yang berkaitan dengan proses penyertaan dalam aktiviti, rakit arus deras serta elemen seperti motivasi, kesedaran risiko, kesedaran kecekapan, dan kepuasan. Rujuk rajah 2.1.





Rajah 2.1. Model Deskriptif Penglibatan Rekreasi yang Berisiko Secara Berkekalan.
Diadaptasi dari Robinson, 1992.

2.3 Model Rekreasi Berasaskan Cabaran

Ewert dan Hollenhorst (1989) menerangkan ciri-ciri peserta dan corak penggunaan dalam rekreasi berasaskan cabaran dengan membangunkan model rekreasi berasaskan cabaran. Model rekreasi berasaskan cabaran membantu pengurus-pengurus rekreasi untuk menyediakan tahap keseronokan dan kepuasan yang terbaik kepada peserta rekreasi berasaskan cabaran (Ewert & Hollenhorst, 1989). Model rekreasi berasaskan cabaran telah direka terutamanya untuk memahami corak penyertaan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran berdasarkan tahap penglibatan. Model ini dapat membantu




di dalam kajian ini untuk menerangkan sifat-sifat individu yang berkaitan seperti tahap kemahiran dan pengalaman, motivasi, dan kesedaran risiko. Model ini menggambarkan pengalaman aktiviti rekreasi berasaskan cabaran sebagai kombinasi individu dengan persekitaran tertentu (rujuk rajah 2.2). Sifat-sifat individu merujuk kepada ciri-ciri, kebolehan dan keutamaan peserta. Kekerapan penglibatan, tahap kemahiran atau pengalaman, lokus kawalan dan motivasi mewakili sifat-sifat individu di dalam model tersebut.

Sifat-sifat aktiviti atau keadaan mewakili faktor sosial dan persekitaran. Pilihan individu menyebabkan jenis dan tahap risiko samada risiko sebenar berbanding persepsi risiko atau risiko yang rendah berbanding risiko yang tinggi. Orientasi sosial membezakan konteks sosial yang terarah kepada samada kenalan-kenalan dan solo atau program dan kursus.



Ewert dan Hollenhorst (1989) meramalkan bahawa apabila seseorang mempunyai pengalaman yang kurang atau tidak mempunyai pengalaman dalam rekreasi pengembaraan, mereka cenderung untuk terarah kepada motivasi ekstrinsik dan memerlukan risiko yang rendah untuk terlibat dalam aktiviti. Sebaliknya, apabila seseorang mempunyai pengalaman yang tinggi di dalam aktiviti tersebut, mereka akan lebih terarah kepada motivasi intrinsik dan menginginkan risiko yang lebih mencabar untuk dipadankan dengan kecekapan mereka.





Rajah 2.2. Model Rekreasi Berasaskan Cabaran. Diadaptasi dari Ewert & Hollenhorst, 1989.



Ewert dan Hollenhorst (1989) telah menguji model ini dengan menjalankan satu kajian dalam Program Kursus Pengajian Luar. Sebanyak 106 orang pelajar menyertai aktiviti memanjat batu, meneroka gua, perkhemahan, dan berkenu yang termasuk dalam kursus berkenaan. Subjek melengkapkan kaji selidik berkaitan dengan kekerapan penyertaan, tahap kemahiran dan pengalaman, motivasi, tahap risiko yang diinginkan, keutamaan sosial dan persekitaran keadaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Ewert dan Hollenhorst menguji ketepatan model untuk menjelaskan jenis pengalaman berasaskan cabaran yang diutamakan oleh kumpulan peserta (kumpulan pengenalan, perkembangan, dan komitmen). Dapatan kajian tersebut mengesahkan model rekreasi berasaskan cabaran berkesan untuk meramalkan semua pemboleh ubah. Walau bagaimanapun, hanya dua faktor dalam motivasi menunjukkan perkaitan antara teori model dan data.



Beberapa kajian menggunakan model rekreasi berasaskan cabaran untuk menganalisis data dalam menilai aktiviti yang berkaitan. Schuett (1993) menguji model ini dalam kajian kayak arus deras. Tahap penglibatan berterusan dijangkakan oleh tahap kemahiran, hasil psikologikal, jantina, kekerapan penyertaan, dan persepsi risiko. Ewert et. al (2013) menggunakan model ini dan mengesahkan tahap pengalaman dan aktiviti mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah motivasi. Dapatan Ewert et. al (2013) menunjukkan para peserta dengan tahap pengalaman yang tinggi akan berkait dengan sosial, keseronokan dan imej sendiri yang tinggi di dalam aktiviti memanjat batu. Manakala, peserta dengan pengalaman yang tinggi di dalam aktiviti kayak menunjukkan sosial dan motivasi keseronokan yang tinggi. Oleh yang demikian, ciri-ciri peserta akan membantu dalam memahami penyertaan mereka dalam aktiviti





rakit arus deras yang akan membezakan keperluan, kehendak serta kesedaran terhadap tahap risiko dan kecekapan berkaitan dengan aktiviti ini.

2.4 Kerangka Teoretikal Kajian


Tiada teori yang mengupas secara terperinci berkaitan motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan dalam aktiviti rakit arus deras. Oleh yang demikian, penyelidik mengubahsuai model teoretikal yang digunakan di dalam kajian ini iaitu Model Rekreasi yang Berisiko (Robinson, 1992) yang berpotensi untuk disesuaikan dengan objektif kajian. Proses penglibatan di dalam aktiviti berasaskan cabaran telah dijelaskan di dalam Model Rekreasi yang berisiko (Robinson, 1992). Sebelum proses penglibatan

rekreasi berlaku, peserta membawa bersama satu set faktor yang kompleks seperti pengalaman sebelum, sifat-sifat peribadi, jantina dan sebagainya (Morgan & Stevens,

2008). Kajian ini menjangkakan jantina dan tahap pengalaman akan mempengaruhi proses penglibatan mereka berdasarkan kebanyakan kajian-kajian lampau mendapati jantina dan tahap pengalaman membezakan faktor-faktor penyertaan mereka dalam aktiviti (Ewert & Gilbertson, 2015). Bagi menyesuaikan objektif kajian terhadap model Rekreasi yang berisiko, penglibatan peserta dimulai dengan motivasi, iaitu fasa pertama di dalam Model Robinson (1992) yang menjelaskan tentang tarikan dan ransangan yang terdapat dalam aktiviti rakit arus deras. Dalam fasa yang kedua, Robinson (1992) menjelaskan peserta menilai risiko yang terdapat di dalam aktiviti secara objektif dan subjektif sebelum melakukan aktiviti. Penilaian peserta termasuk kesedaran mereka terhadap tahap risiko dan kecekapan dan jangkaan hasil daripada penyertaan. Berdasarkan penilaian peserta pada fasa satu dan dua, maka peserta akan mengambil



keputusan untuk melakukan aktiviti rakit arus deras atau menarik diri yang berada pada fasa tiga. Peserta akan ke fasa seterusnya apabila membuat keputusan untuk melakukan aktiviti. Fasa pertama hingga ketiga berlaku sebelum peserta melakukan aktiviti rakit arus deras. Seterusnya, fasa yang keempat menjelaskan pengalaman aktiviti, iaitu fasa di mana peserta melakukan aktiviti rakit arus deras. Peserta akan menyedari sama ada tahap risiko yang terdapat dalam aktiviti bersesuaian dengan tahap kecekapan mereka. Dalam fasa yang terakhir, peserta menilai kepuasan mereka sama ada jangkauan hasil daripada penyertaan tercapai atau tidak. Jangkaan peserta termasuk kesedaran terhadap tahap risiko dan kecekapan selepas melakukan aktiviti rakit arus deras. Rajah 2.3 menunjukkan kerangka teoretikal kajian yang menggunakan Model Rekreasi yang Berisiko yang diubahsuai bersesuaian dengan objektif kajian.



Rajah 2.3. Kerangka Teoretikal yang menggunakan Model Rekreasi yang Berisiko (Robinson, 1992) yang diubahsuai.



2.5 Kajian-Kajian berkaitan Motivasi dalam Aktiviti Rekreasi Berasaskan Cabaran

Motivasi didefinisikan sebagai sebab yang disedari atau tidak disedari terhadap tingkah laku (Cordes & Ibrahim, 2003). Terdapat definisi yang lain yang menerangkan motivasi sebagai proses yang menjelaskan keamatan, hala tuju, dan kegigihan usaha individu ke arah mencapai matlamat (Robbins, 2003). Motivasi berbeza-beza bukan sahaja pada tahap motivasi, contohnya tinggi atau rendah, tetapi juga orientasi motivasi tersebut seperti jenis motivasi (Deci & Ryan, 2000). Robinson (1992) menjelaskan tentang motivasi di dalam fasa yang pertama, di mana penyertaan mereka di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran didorong oleh tarikan yang terdapat di dalam aktiviti tersebut.



Rekreasi berasaskan cabaran menyediakan cabaran dan pendedahan kepada situasi yang berisiko tinggi, sementara aktiviti rekreasi dan kesenggangan yang lain bertujuan untuk mengurangkan elemen risiko. Pengajaran rekreasi yang berisiko dan aktiviti luar yang mencabar menjadi elemen program yang meningkat popular, dan ia memenuhi keperluan individu yang mencari elemen keseronokan (Kraus, 2001). Oleh itu, motivasi membantu dalam menerangkan mengapa masyarakat menyertai aktiviti rekreasi (Manfredo, Driver & Tarrant, 1996; Ross & Iso-Ahola, 1991). Kajian berkaitan motivasi (Ibrahim & Cordes, 1993; Robert, 2001; Edginton, DeGraaf, Dieser & Edginton, 2006; Driver, Brown & Peterson, 1991) telah dijalankan terutamanya berkaitan dengan bidang rekreasi luar. Kajian berkenaan motivasi dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran masih terhad dan kajian-kajian yang relevan hanya terdapat di dalam aktiviti rekreasi luar (Buckley, 2006). Oleh yang demikian, adalah penting





untuk menjalankan kajian berkaitan motivasi di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran untuk memahami sebab penyertaan (Bentley, Page & Laird, 2001; Allman, Mittelstaedt, Martin & Goldenberg, 2009).

Risiko adalah bahagian yang penting di dalam pengalaman rekreasi berasaskan cabaran (Price & Driscoll, 2010). Berdasarkan konsep rekreasi berasaskan cabaran yang menerapkan unsur risiko, ianya masih kekal menjadi isu samada risiko memainkan peranan penting di dalam keputusan peserta untuk menyertai aktiviti tersebut. Di dalam kajian Vagias, Morais dan Dziubek (2005), tarikan risiko memainkan peranan yang kecil di dalam aktiviti rakit arus deras. Dapatan ini disokong oleh Meisel dan Cottrell (2003) di dalam kajian selam skuba, di mana peserta mempunyai motivasi yang rendah dalam pengambilan risiko. Manakala, dalam kajian Kouthouris (2009) berkaitan aktiviti ski rekreasi, faktor motivasi 'pengambilan risiko' menyumbang kepada subskala penglibatan 'ekspresi diri', yang merujuk kepada tanggapan orang lain yang individu tersebut mahukan terhadap dirinya. Sebaliknya dengan Fluker dan Turner (2000), mereka mendapati bahawa peserta yang tidak mempunyai pengalaman sanggup untuk mengambil risiko untuk mencapai matlamat dalam mencari pengalaman yang baru dan meneroka cabaran yang terdapat di dalam aktiviti rakit arus deras. Berdasarkan dapatan kajian-kajian ini, peserta mungkin bermotivasikan kewujudan risiko di dalam aktiviti. Walau bagaimanapun, kepentingan peranan risiko di dalam motivasi seharusnya diperjelaskan di dalam penyertaan aktiviti.

Selain risiko sebagai penggerak dalam tarikan rekreasi berasaskan cabaran, adalah penting untuk menentukan motivasi yang lain untuk penyertaan di dalam aktiviti berasaskan cabaran (Gyimóthy & Mykletun, 2004). Corak tingkah laku motivasi peserta





boleh membantu penggiat-penggiat rekreasi untuk mengembangkan pemasaran komunikasi dan pelaksanaan yang berbeza terhadap aktiviti.

Meisel dan Cottrell (2003) dalam dapatan mereka membuktikan bahawa penyelam baharu kebanyakannya menyelam kerana cabaran dan keseronokan yang terdapat di dalam aktiviti tersebut. Penyelam baharu mengutamakan kemahiran yang baru dan melihat aktiviti menyelam sebagai pengalaman yang baru. Penyelam yang berpengalaman terdorong untuk lebih santai semasa aktiviti, berkongsi ilmu atau kemahiran menyelam, dan bersama kenalan yang sama. Begitu juga dapatan Fluker dan Turner (2000) di dalam aktiviti rakit arus deras, di mana peserta yang tidak berpengalaman lebih fokus kepada aksi di dalam aktiviti tersebut dengan meneroka cabaran dan pengalaman yang baru. Manakala, peserta yang berpengalaman lebih mengutamakan faedah-faedah yang lain seperti santai dan bersama kenalan di dalam persekitaran semula jadi. Dapatan Carr (2001) menyokong kajian-kajian ini di mana terdapat perbezaan yang signifikan di antara pendaki baharu dan berpengalaman. Pendaki yang berpengalaman lebih bermotivasikan santai dan berjumpa kenalan atau orang baru berbanding pendaki baharu. Secara keseluruhan, peserta yang tidak mempunyai pengalaman lebih mengutamakan cabaran keterujaan yang terdapat di dalam aktiviti. Bagi peserta yang berpengalaman, mereka lebih mengutamakan untuk santai semasa aktiviti. Peserta berpengalaman juga menekankan kepentingan terhadap motivasi yang berkaitan dengan faktor-faktor peribadi dan estetik. Manakala, peserta yang tidak berpengalaman lebih bermotivasi pembangunan kemahiran teknikal (Ewert et. al., 2013). Kajian-kajian ini melaporkan terdapat perbezaan yang konsisten dalam tahap pengalaman peserta. Dari segi jantina, beberapa kajian menunjukkan bahawa motivasi berbeza di antara lelaki dan wanita (Lee, Graefe & Li, 2007; Pomfret &





Bramwell, 2014; Schuett, 1993). Di dalam dapatan Lee, Graefe dan Li (2007), wanita cenderung untuk merasai alam semula jadi, ketenangan, hubungan sosial dan ciri-ciri kemahiran sosial dan hidupan liar. Sebaliknya, lelaki menekankan kepentingan lokasi aktiviti yang baru. Lelaki selalunya bermotivasi tarikan cabaran dan persaingan, manakala wanita menunjukkan motivasi yang lebih tinggi pada faktor-faktor sosial (Ewert et. al., 2013). Kajian-kajian lepas telah merungkai perbezaan yang signifikan terhadap ciri-ciri individu seperti jantina dan tahap pengalaman. Perbezaan faktor motivasi bagi ciri-ciri individu adalah penting bagi pengurus aktiviti rekreasi dalam menyediakan perkhidmatan aktiviti yang terbaik supaya keperluan dan kehendak peserta dapat dicapai mengikut ciri-ciri peserta. Maka, kajian ini seharusnya dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan dalam faktor motivasi bagi jantina dan tahap pengalaman peserta khususnya dalam aktiviti rakit arus deras di Malaysia.



2.6 Risiko

Risiko adalah potensi untuk kehilangan sesuatu yang bernilai yang boleh memudaratkan secara fizikal seperti bengkak dan patah tulang, mental contohnya ketakutan psikologi, sosial contohnya malu dengan kenalan, atau kewangan seperti kerosakan peralatan (Priest dan Gass, 2005). Untuk menilai risiko yang terdapat di dalam aktiviti berasaskan cabaran, operator aktiviti perlu melakukan; (1) pendekatan aktuari berdasarkan data, dan (2) kaedah yang lebih subjektif iaitu kesedaran risiko (Davis-Berman & Berman, 2002). Risiko aktuari merujuk kepada penilaian data yang lepas berhubung kepada beberapa faktor seperti jumlah peserta, jumlah kerosakan, kecederaan dan kematian dan sebagainya. Penilaian risiko ini membawa kepada kebarangkalian berlakunya sesuatu





keadaan dan akibat daripada keadaan tersebut (Davis-Berman & Berman, 2002). Operator perkhidmatan bagi aktiviti berasaskan cabaran menerapkan pengurusan risiko aktuari yang dijangka atau yang terdapat dalam aktiviti yang dikendalikan untuk memastikan risiko yang sebenar dapat dikurangkan. Sebagai contoh, pengurusan aktiviti rakit arus deras dimaklumkan tentang keadaan cuaca harian untuk memastikan keselamatan para peserta. Risiko aktuari lebih mudah diuruskan kerana melibatkan penilaian teknikal terhadap kemungkinan dan akibat daripada aktiviti tersebut (Davis-Berman & Berman, 2002; Morgan & Stevens, 2008). Haddock (1993) mengkategorikan jenis-jenis risiko kepada tiga iaitu risiko mutlak, risiko sebenar dan kesedaran risiko. Risiko mutlak adalah risiko yang paling terdedah dan tidak dikawal oleh langkah-langkah keselamatan. Risiko sebenar ialah risiko mutlak yang telah diaplikasikan langkah-langkah keselamatan dan bahaya yang terdapat di dalam aktiviti dapat dikurangkan. Manakala, kesedaran risiko ditakrifkan sebagai penilaian individu terhadap risiko sebenar yang wujud. Seseorang individu itu boleh menerima sesuatu elemen risiko atau bahaya untuk memuaskan tahap keperluan yang tinggi melalui penyertaan rekreasi berasaskan cabaran (Weber, 2001). Peserta ingin merasai keseronokan atau “ketakutan” namun tidak mahu menjadi sasaran mahupun korban kepada risiko sebenar (Cater, 2006). Oleh sebab itu, peserta telah memutuskan untuk mengambil risiko kerana mereka tidak pasti jika faedah yang diinginkan akan tercapai. Namun begitu, keselamatan peserta adalah yang paling utama ditekankan secara global (Bentley, Page & Edward, 2008). Oleh yang demikian, penyelarasan pendedahan tahap risiko kepada peserta lebih sesuai dilakukan di dalam lingkungan pengurusan risiko sebenar.




2.6.1 Kesedaran Risiko dan Kecekapan

Risiko di dalam aktiviti yang dimahukan oleh para peserta adalah berbeza di mana perspektif peserta terhadap aktiviti mungkin berbeza dari seorang individu kepada individu yang lain. Di dalam Model Rekreasi yang Berisiko (Robinson, 1992), keadaan penilaian kognitif dalam elemen risiko dijelaskan bagaimana individu menilai risiko sepertimana mereka menilai kecekapan mereka untuk berhadapan dengan risiko tersebut. Kecekapan adalah gabungan kompleks antara kebolehan, sikap, pengetahuan, tingkah laku, keyakinan, dan pengalaman (Priest & Gass, 1997). Manakala, kesedaran kecekapan merujuk kepada penilaian persendirian keupayaan seseorang terhadap risiko situasional (Priest, 1992a). Interaksi antara risiko dan kecekapan telah dibincangkan di dalam Paradigma Pengalaman Berasaskan Cabaran (AEP) oleh Martin dan Priest (1986). AEP adalah konstruk teoretikal yang menjelaskan interaksi antara kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan dalam lima peringkat pengalaman berasaskan cabaran. Tahap risiko sebenar dan kesedaran risiko serta kecekapan akan menentukan samada pengalaman berasaskan cabaran menyebabkan kebosanan, pengembaraan atau bencana (Priest & Gass, 1997).

Pada peringkat yang pertama, Penerokaan dan Eksperimentasi adalah cabaran yang paling rendah yang dihadapi apabila tahap kecekapan yang tinggi berinteraksi dengan tahap risiko yang rendah. Pengembaraan terjadi di peringkat yang kedua, apabila tahap risiko meningkat sedikit dan mula mencapai tahap kecekapan. Peringkat yang seterusnya ialah Puncak Pengembaraan, di mana ianya terjadi apabila tahap risiko dan kecekapan adalah sama taraf dan menyediakan cabaran yang paling optimal menurut Martin dan Priest (1986). Seterusnya, apabila tahap risiko sedikit melebihi

tahap kecekapan, Musibah dijangkakan berlaku pada tahap ini. Keadaan akan menjadi lebih teruk apabila tahap kecekapan tidak mampu mengendalikan tahap risiko yang terdapat di dalam aktiviti dan meletakkan cabaran di dalam keadaan Binasa dan Malapetaka. AEP boleh diaplikasikan di dalam aktiviti kesenggangan yang mengandungi ketidakpastian, meskipun samada individu yang sengaja mengambil risiko (Carpenter & Priest, 1989).



Rajah 2.4. Paradigma Pengalaman Berasaskan Cabaran. Diadaptasi dari Martin dan Priest, 1986

Konstruk AEP menyerupai “*edgework*” (Lyng, 1990) dan kemuncak (*flow*) (Csikszentmihalyi & Csikszentmihalyi, 1991), konstruk teoretikal yang menggambarkan model yang sama seperti model hubungan cabaran dan kemahiran di dalam pengalaman yang optimal. Namun, AEP dibangunkan khusus untuk pengalaman rekreasi berasaskan cabaran.



2.7 Kajian-Kajian berkaitan Kesedaran risiko dan Kecekapan di dalam Aktiviti Rekreasi Berasaskan Cabaran

Segelintir kajian menunjukkan perubahan kesedaran risiko dan kecekapan yang dinilai oleh peserta sebelum dan selepas aktiviti. Hasil dapatan Priest dan Bunting (1993) menunjukkan peserta menyedari tahap risiko menurun dan peningkatan terhadap tahap kecekapan peserta sepanjang tempoh yang diuji dalam aktiviti berkenaan arus deras. Priest dan Bunting menggunakan soal selidik *Dimension of an Adventure Experience* (DAE), yang menunjukkan perubahan yang ketara pada faktor ketakutan yang dilihat berkurangan manakala faktor kebolehan pula meningkat. Sementara itu eustress, distress dan tingkah laku menunjukkan hanya sedikit perubahan di dalam aktiviti berkenaan arus deras.



Di dalam aktiviti kursus cabaran, John et. al. (2004) menunjukkan terdapat perubahan ketara di dalam 25 daripada 28 faktor yang dikaji. Skor min pasca ujian dilaporkan meningkat di dalam lima faktor, dan menurun di dalam faktor yang lain. Dapatan ini menunjukkan tahap risiko berkurang untuk kebanyakan faktor-faktor tersebut. Tambahan lagi, dapatan kajian tersebut menunjukkan wanita menyedari tahap risiko adalah tinggi berbanding lelaki. Namun, kajian Prayag dan Jankee (2009) mendapati bahawa kesedaran risiko tidak mempunyai perbezaan di antara lelaki dan wanita di dalam aktiviti meluncur angin. Berdasarkan kajian-kajian ini, tidak terdapat konsistensi terhadap kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantina peserta. Kajian ini dilakukan untuk melihat perbezaan yang signifikan terhadap kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantina peserta.





Sehingga kini, tidak banyak kajian dilakukan berkaitan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran di Malaysia khususnya rakit arus deras. Antara kajian yang telah dilakukan adalah kajian Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun dan Norlena Salamudin (2014) yang mengkaji risiko yang terdapat di dalam aktiviti kayak arus deras di Malaysia dan menyediakan dapatan berkaitan kecederaan yang berlaku di dalam aktiviti tersebut. Dalam kajian Jaffry et. al (2014), hampir 86% peserta mengalami kecederaan ketika melakukan aktiviti. Kecederaan direkodkan dengan kekeliruan (terhantuk) merupakan kecederaan yang tertinggi, terseliuh, terkehel, radang tendon, bengkak, retak tulang dan hampir lemas. Majoriti kecederaan yang berlaku adalah akibat daripada tahap kecekapan peserta tidak dapat menangani risiko yang terdapat dalam aktiviti. Menurut teori Paradigma Pengalaman Berasaskan Cabaran (Martin & Priest, 1986), peserta akan melalui cabaran musibah atau malapetaka apabila tahap risiko melebihi tahap kecekapan mereka terhadap aktiviti. Seperti yang dilaporkan di dalam kajian Jaffry et. al (2014), maka kajian ini relevan untuk dijalankan untuk mengatasi memahami kesedaran risiko dan kecekapan peserta di dalam aktiviti rakit arus deras di Malaysia supaya pengurus aktiviti dapat mengurangkan kecederaan yang berlaku.

Teori paradigma pengalaman berasaskan cabaran mencadangkan bahawa individu-individu yang terlibat di dalam aktiviti rekreasi yang berisiko mempamerkan perubahan di dalam kesedaran risiko dan kecekapan serta interaksi antara kesedaran risiko dan kecekapan peserta. Dapatan-dapatan kajian menunjukkan penyertaan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran mempengaruhi kesedaran terhadap tahap risiko dan kecekapan. Peserta menyedari tahap risiko rendah dan tahap kecekapan tinggi selepas penyertaan aktiviti. Faktor pengalaman dan jantina bertindak sebagai penentu kepada penilaian kesedaran risiko dan kecekapan di dalam pengalaman rekreasi





berasaskan cabaran. Menurut Priest dan Gass (1997), pengalaman rekreasi berasaskan cabaran membenarkan interaksi antara kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada penyertaan aktiviti tersebut. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat perubahan di dalam kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan. Apabila pengurus aktiviti berasaskan cabaran tidak memahami tahap risiko yang dinilai oleh peserta, kebarangkalian tahap kesulitan aktiviti akan melebihi kecekapan peserta dan menyebabkan hasil yang negatif samada secara sosial, fizikal atau mental (Priest, 1992a; Robinson, 1992). Oleh yang demikian, pengurusan aktiviti rakit arus deras tidak seharusnya menganggap kesedaran risiko mereka sama seperti kesedaran risiko yang dinilai peserta (Davis-Berman & Berman, 2002).

Berdasarkan dapatan kajian lepas, interaksi antara kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan akan membentuk tahap cabaran yang terdapat dalam aktiviti, seterusnya membantu peserta untuk memahami pengalaman aktiviti yang dilalui dengan lebih baik. Pengurusan aktiviti rekreasi mengharapkan peserta dapat mengalami kemuncak (*flow*) dalam penyertaan aktiviti dan berusaha untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini seperti kematian dan kecederaan berkekalan. Oleh itu, pengurus aktiviti perlu memastikan tahap risiko setimpal dengan kecekapan peserta dengan mengenal pasti kesedaran risiko dan kecekapan mereka.



2.8 Kepuasan

Kepuasan boleh ditakrifkan sebagai hasil daripada tahap jangkaan dan tahap kesedaran terhadap jangkaan. Apabila jurang antara kedua-duanya kecil, maka kepuasan akan tercapai (Ardahan & Mert, 2013). Di dalam Model Rekreasi yang Berisiko, Robinson (1992) merujuk kepada kepuasan daripada penglibatan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran samada tercapai atau tidak di dalam fasa kelima, iaitu “penilaian gerak hati-reflektif: penelitian terhadap pemahaman”. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kepuasan merupakan elemen yang penting dalam aktiviti kesenggangan dan rekreasi. Kepuasan adalah satu konsep yang paling utama di dalam kajian tingkah laku rekreasi dan matlamat yang penting bagi pengurusan sumber rekreasi (Floyd, 1997; Herrick & McDonald, 1992; Drogin, Graefe & Titre, 1990; Graefe, & Burns, 2013). Kepuasan peserta penting bagi penggiat dan pengurus rekreasi oleh kerana pengurus rekreasi perlu mencapai kualiti yang baik dalam memastikan perkhidmatan dan perancangan mereka menepati kehendak dan keperluan peserta. Menurut Manning (1999), pengukuran kualiti yang utama di dalam aktiviti rekreasi luar biasanya merujuk kepada kepuasan peserta. Data mengenai kepuasan peserta dapat membantu dalam pelbagai prosedur pengurusan dan perancangan, daripada perangkaan objektif pengurusan sehingga pelaksanaan piawaian penyelenggaraan (Graefe & Burns, 2013). Kepuasan berkait dengan pelbagai aspek yang boleh mempengaruhi kepuasan yang positif. Jenis kepuasan yang berbeza boleh didapati di dalam; (1) keadaan yang berbeza seperti keadaan alam sekeliling, persekitaran rekreasi, persekitaran sosial dan persekitaran pengurusan dan (2) penilaian subjektif seperti sosioekonomi, ciri-ciri, tingkah laku dan keutamaan, dan penilaian terhadap risiko (Nowacki, 2012). Oleh yang demikian, faktor-faktor yang berpotensi berkait dengan kepuasan perlu dikaji supaya hubungan antara



faktor-faktor yang terlibat dapat menjelaskan konteks kepuasan dengan lebih mendalam khususnya dalam aktiviti rakit arus deras.

Kepuasan peserta adalah penting untuk dikaji oleh kerana kajian-kajian lepas mendapati kepuasan yang tinggi cenderung untuk menggalakkan penyertaan yang berulang. Peserta akan cenderung untuk melibatkan diri dan lebih setia terhadap aktiviti rakit arus deras apabila kepuasan tercapai. Beberapa kajian telah membuktikan terdapat kesinambungan daripada kepuasan yang optimal. Menurut Beggs dan Elkins (2010), potensi untuk peserta melibatkan diri secara berterusan dalam aktiviti kesenggangan dan rekreasi dapat dicapai apabila seseorang mempunyai kepuasan yang positif dalam aktiviti yang disertai (Beggs & Elkins, 2010). Kajian Wu dan Liang (2011) dalam aktiviti rakit arus deras membuktikan bahawa kepuasan peserta di dalam aktiviti yang disertai mempengaruhi kesetiaan mereka. Peserta yang mempunyai kepuasan yang tinggi dalam aktiviti yang disertai akan meningkatkan kesetiaan mereka terhadap penglibatan aktiviti, cenderung untuk mengulangi penyertaan dan menyarankan aktiviti kepada orang lain (Wu & Liang, 2011). Dapatan kajian Wu dan Liang (2011) selari dengan dapatan Norlida et. al (2011) yang mendapati peserta yang mempunyai kepuasan yang tinggi cenderung untuk mengulangi penyertaan selain mencadangkan kepada rakan dan ahli keluarga. Dalam kajian Jaffry Zakaria, Mazuki Yasim dan Md Amin Md Taff (2012) terhadap kepuasan dan kesepaduan, peserta berpotensi untuk melibatkan diri secara berterusan dalam aktiviti berasaskan cabaran apabila pemeriksaan yang lebih dekat terhadap aspek kepuasan dan kesepaduan dikaitkan dengan ciri-ciri peserta. Hal ini akan membolehkan pendekatan yang lebih fokus kepada campur tangan, pertimbangan yang lebih baik terhadap peserta di peringkat remaja, seiiring dengan sumbangan kepada kumpulan mereka. Maka, pentingnya untuk





memastikan peserta mencapai kepuasan yang tinggi supaya manfaat dan faedah dapat dicapai daripada penyertaan aktiviti serta menggalakkan penyertaan yang berulang dalam aktiviti yang disertai.

2.9 Kajian Lepas yang Menggunakan Skala *Leisure Satisfaction*

Lloyd dan Auld (2002) di dalam kajian mereka memberi tumpuan kepada kedua-dua kandungan dan penilaian dan hubungannya terhadap kualiti hidup. Skala *Leisure Satisfaction* versi yang lebih singkat iaitu 24 item digunakan untuk mengenal pasti persepsi atau perasaan yang dihasilkan, diperoleh atau dibangunkan oleh individu sebagai hasil daripada penglibatan aktiviti kesenggangan. Secara keseluruhan, kajian tersebut mendapati bahawa sifat-sifat seseorang dan kepuasan kesenggangan sebagai faktor peramal terbaik bagi kualiti hidup.

Beggs dan Elkins (2010) menggunakan Skala *Leisure Satisfaction* di dalam kajian aktiviti rekreasi dalam kalangan pelajar kampus. Kajian Beggs dan Elkins (2010) bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor motivasi dan faktor kepuasan. Sejumlah 363 orang pelajar dikenal pasti mewakili populasi pelajar yang mengikuti kursus akademik. Dapatan kajian mereka mendapati pelajar mempunyai kepuasan yang tinggi terhadap faktor ketenangan dan psikologikal. Bagi peramal kepuasan kesenggangan, faktor kecekapan atau penguasaan, faktor intelektual dan faktor rangsangan menjadi faktor motivasi yang menyumbang kepada peningkatan tahap kepuasan dalam kalangan pelajar kampus dalam aktiviti rekreasi.





2.10 Rumusan

Berdasarkan literatur kajian-kajian lampau, kajian ini perlu dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kepuasan yang tinggi dalam aktiviti rakit arus deras. Faktor motivasi peserta dapat menjelaskan mengapa mereka terdorong untuk melibatkan diri di dalam aktiviti rakit arus deras, dan kesedaran terhadap tahap risiko dan tahap kecekapan akan menentukan tahap cabaran yang terdapat dalam aktiviti ini. Kehendak dan matlamat peserta sama ada tercapai atau tidak akan dinilai melalui kepuasan mereka terhadap aktiviti rekreasi berasaskan cabaran tersebut. Faktor demografi seperti jantina dan pengalaman peserta mampu mempengaruhi faktor motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan serta kepuasan mereka di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Keberkesanan pelaksanaan aktiviti dapat dilihat daripada penilaian faktor-faktor ini supaya pengurus atau pembekal aktiviti dapat menaiktaraf atau memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam aktiviti. Bagi para peserta, penilaian terhadap motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan akan membantu peserta memahami jangkaan mereka dalam pengalaman yang dilalui di penghujung aktiviti rakit arus deras. Kepuasan yang positif akan mempengaruhi peserta untuk mengulang penyertaan mereka dan seterusnya menjadi pengamal aktiviti rakit arus deras pada masa akan datang.



BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai reka bentuk dan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Topik yang akan dibincangkan dalam bab ini dibahagikan kepada 5 bahagian: (1) Reka bentuk kajian; (2) Populasi dan Persampelan; (3) Instrumentasi; (4) Pengumpulan data; dan (5) Kaedah analisis data.

3.2 Reka bentuk Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian, kajian ini menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah deskriptif didapati bersesuaian bagi kajian yang bertujuan untuk menjelaskan suatu keadaan yang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005). Kaedah deskriptif juga bersesuaian



untuk menghuraikan data dan maklumat masa kini (Sulaiman Masri, 2005). Bagi mencapai objektif kajian ini, kajian deskriptif tinjauan dan korelasi telah dipilih.

Menurut Azizi Yahaya et. al (2007), kaedah deskriptif secara tinjauan bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri-ciri populasi. Kaedah tinjauan dilakukan bertujuan untuk menjelaskan sikap, pendapat, tingkah laku, atau perwatakan yang terdapat pada suatu populasi (Creswell, 2012). Bagi kajian ini, kaedah tinjauan digunakan bagi mengkaji maklumat yang diperoleh dalam menjelaskan corak motivasi, kesedaran bagi tahap risiko dan tahap kecekapan serta tahap kepuasan peserta. Kaedah tinjauan ini akan membantu dalam menjelaskan tentang populasi bagi peserta aktiviti rakit arus deras dalam faktor-faktor yang berkaitan.




Kaedah tinjauan lebih kepada mengenali suatu populasi di dalam kajian, berbanding kaedah deskriptif korelasi yang menghubungkan antara pemboleh ubah dan meramal hasil daripada maklumat yang diperoleh. Creswell (2012) menyatakan reka bentuk korelasi adalah penggunaan statistik korelasi untuk menerangkan dan mengukur tahap, perkaitan atau hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah. Dapatan daripada kajian korelasi dapat membantu untuk menentukan kekerapan dan hubungan antara pemboleh ubah dan meramal kejadian pada masa akan datang berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh (Curtis, Comiskey & Dempsey, 2016). Oleh yang demikian, reka bentuk deskriptif korelasi bersesuaian bagi kajian ini dalam mengkaji hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan dalam aktiviti rakit arus deras.



3.3 Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan bagi kajian ini ialah persampelan rawak dua tahap. Kaedah tinjauan dua tahap sering digunakan di dalam kajian bagi menganggar parameter populasi. Kaedah tinjauan dua tahap juga sering digunakan oleh kerana kesukaran atau mustahil untuk mendapatkan satu senarai individu daripada populasi kajian Montesinoz-Lopez et. al (2015). Selain daripada itu, kaedah persampelan ini juga dipilih oleh sebab populasi yang besar atau berbeza, di mana homogen tertentu atau sub-populasi yang sama boleh diasingkan (Norhayati Jantan & Hartini Yaacob, 2012). Menurut Veal (2011), dalam reka bentuk persampelan dua tahap, bagi tahap yang pertama, sampel unit utama dipilih dan kemudian di dalam tahap yang kedua, sampel unit kedua dipilih daripada setiap unit utama. Bagi tahap yang pertama, peserta dipilih melalui tiga operator perkhidmatan yang menawarkan aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak. Tahap yang kedua dari persampelan ini dilakukan di mana penyelidik memilih satu jumlah sampel secara rawak daripada senarai nama yang diambil dari setiap kumpulan peserta.



Rajah 3.1. Persampelan rawak dua tahap



Menurut Krejcie dan Morgan (1970), apabila jumlah populasi meningkat, saiz sampel meningkat pada kadar yang lebih kurang sama dan tetap secara malar pada jumlah lebih kurang 380 saiz sampel. Apabila bahagian di dalam populasi tidak diketahui, prosedur yang sesuai adalah dengan mengandaikan keadaan yang paling lemah iaitu dengan meletakkan varian populasi pada tahap maksimum (Akis, Peristianis, & Warner, 1996). Prosedur ini memerlukan jangkakan 50% daripada populasi mempunyai kepuasan yang tinggi, manakala 50% lagi mempunyai kepuasan yang rendah di dalam aktiviti rakit arus deras. Dengan meletakkan kadar keyakinan pada tahap 95% dan ralat persampelan pada 5%, subjek yang diperlukan minimum seramai 385 orang. Akis, Peristianis, dan Warner (1996) telah menggunakan formula berikut untuk mendapatkan bilangan sampel yang bersesuaian.



$$(1.96)^2 \times 0.5 \times (1-0.5) / (0.05)^2 = 384.16$$



Oleh kerana populasi peserta aktiviti rakit redah jeram di Malaysia tidak diketahui, pengkaji mengambil subjek daripada peserta aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar minimum seramai 385 orang. Bagi kajian ini, 404 responden terlibat dalam proses pengumpulan data.

3.4 Instrumentasi

Instrumentasi yang digunakan ialah tinjauan dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi tiga soal selidik yang dipecahkan kepada tiga seksyen. Seksyen A ialah Inventori Sosio-Demografi, seksyen B meliputi soal selidik *Dimension of an Adventure*





Experience (Priest, 1992a) dan seksyen C pula ialah Skala *Recreation Experience Preferences* (REP: Manfredo et. al., 1996). Manakala bahagian kedua mengandungi dua soal selidik yang dibahagikan kepada dua seksyen iaitu seksyen D membekalkan soal selidik *Dimension of an Adventure Experience* (Priest, 1992a) dan seksyen E menyediakan soal selidik Skala *Leisure Satisfaction* (Beard dan Ragheb, 1980). Bahagian pertama soal selidik diedarkan kepada peserta sebelum aktiviti. Bahagian kedua pula diedarkan selepas penyertaan aktiviti.

Rasional pengagihan kaji selidik dalam dua masa yang berlainan adalah kerana motivasi berlaku sebelum sesuatu pengalaman dan kepuasan berlaku selepasnya (Ross dan Iso-Ahola, 1991). Pengukuran secara empirikal telah dilakukan apabila motivasi kesengangan diukur sebelum sesuatu pengalaman, dan ia akan berubah jika diukur selepas sesuatu pengalaman, terutama apabila pengalaman yang dilalui itu jelas positif dan negatifnya (Iso-Ahola, 1982). Manakala, kesedaran risiko dan kecekapan diukur sebelum dan selepas aktiviti untuk melihat jika terdapat perubahan terhadap kesedaran risiko dan kecekapan yang dinilai oleh peserta sebelum dan selepas pengalaman aktiviti rakit arus deras.

3.4.1 Inventori Sosio-demografi

Inventori Sosio-Demografi membekalkan maklumat berkaitan sosio-demografi peserta di dalam aktiviti rakit arus deras. Inventori Sosio-Demografi menyediakan maklumat peserta dari segi pengalaman di dalam aktiviti rakit arus deras dan jantina peserta. Ciri-ciri sosio-demografi digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan untuk





melihat perbezaan yang terdapat daripada faktor motivasi, kesedaran risiko, kesedaran kecekapan dan kepuasan dalam rakit arus deras.

3.4.2 Skala *Recreation Experience Preferences* (REP)

Skala *Recreation Experience Preferences* (REP: Manfredo, Driver & Tarrant, 1996) digunakan untuk mengukur faktor motivasi peserta dalam penyertaan rakit arus deras. Skala REP mengandungi 6 dimensi iaitu: (1) Sosial, (2) Alam semula jadi, (3) Kecergasan fizikal, (4) Keterujaan (5) Pengambilan risiko, dan (6) Pencapaian. Skala REP ini menggunakan skala likert 7 poin (1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Agak tidak setuju, 4= Tidak pasti, 5= Agak setuju, 6= Setuju, dan 7= Sangat setuju). REP berguna untuk mengenal pasti motivasi atau faedah psikologi yang diinginkan daripada kesenggangan (Manfredo et. al., 1996). Faktor-faktor motivasi yang dipilih ini adalah di antara faktor terpenting yang dikenal pasti di dalam kajian literatur keperluan motivasi bagi pelancong kembaraan (Beckman, 2013). Faktor-faktor motivasi ini telah digunakan di dalam kajian Kouthouris (2009) yang mengkaji faktor motivasi dalam kalangan pemain ski rekreasi dan juga kajian Beckman (2013) berkaitan dengan aktiviti rakit arus deras. Oleh yang demikian, enam faktor motivasi ini dipilih untuk mengkaji motivasi di dalam kajian ini.





Selain itu, skala *Recreation Experience Preferences* (REP) dipilih dalam kajian ini sebagai satu alat pengukuran rasionalnya kerana;

1. Sejak beberapa dekad yang lalu, skala REP telah diguna pakai di dalam pelbagai kajian yang cuba memahami pengalaman rekreasi (Stewart, 1992).
2. Skala REP dirangka untuk mengukur motivasi dan matlamat yang diinginkan terutama di dalam kesenggangan dan rekreasi.
3. Skala REP dirangka berfokus kepada rekreasi luar, terutama rekreasi yang melibatkan persekitaran alam semula jadi (Manfredo et. al., 1996).

3.4.3 Skala *Dimension of an Adventure Experience* (DAE)

Untuk menilai perubahan terhadap kesedaran risiko dan kecekapan, *Dimension of an Adventure Experience* (DAE) digunakan sebagai soal selidik. DAE mengandungi 24 item pasangan adjektif bipolar yang mengukur dimensi risiko dan kecekapan (Priest, 1992a) di dalam aktiviti rakit arus deras. DAE mengandungi dua subskala iaitu risiko dan kecekapan. Setiap subskala mempunyai 12 item, dan setiap subskala tersebut diukur secara berasingan. Di bawah subskala risiko mengandungi tiga dimensi iaitu Ketakutan, Eustress dan Distress. dimensi Ketakutan meliputi (1) kemudaratan yang berpotensi; (2) pendedahan; (3) bahaya; dan (4) bencana. Di bawah dimensi Eustress terdapat (1) keterujaan; (2) cabaran; (3) rangsangan; (4) tekanan; dan (5) positiviti. Manakala dimensi Distress mengandungi (1) ketidakpastian; (2) ancaman; dan (3) kesukaran. Bagi subskala kecekapan, terdapat dua dimensi iaitu Keupayaan dan Sikap. Dimensi Keupayaan mengandungi (1) pengalaman, (2) kepakaran, (3) kemahiran dan, (4) bakat. Manakala dimensi Sikap mengandungi (1) kejayaan, (2) keyakinan, (3) kebolehan, (4)



keunggulan, (5) penguasaan, (6) keberanian, (7) kekuatan dan, (8) tidak dapat dikalahkan (Priest & Bunting, 1993). Lihat jadual 3.1.

Jadual 3.1

Subskala dimensi risiko dan kecekapan

	Risiko		Kecekapan	
	Ketakutan	Eustress	Distress	Sikap
1. Kemudaratan yang berpotensi	1. Keterujaan	1. Ketidakpastian	1. Pengalaman	1. Kejayaan
2. Pendedahan	2. Cabaran	2. Ancaman	2. Kepakaran	2. Keyakinan
3. Bahaya	3. Rangsangan	3. Kesukaran	3. Kemahiran	3. Kebolehan
4. Bencana	4. Tekanan		4. Bakat	4. Keunggulan
	5. Positiviti			5. Penguasaan
				6. Keberanian
				7. Kekuatan
				8. Tidak dapat dikalahkan

Soal selidik DAE mengandungi satu garisan berterusan yang berukuran 10 cm di antara pasangan adjektif bipolar (membahayakan – selamat, bosan – teruja).

Responden perlu meletakkan tanda “x” pada garisan tersebut pada titik yang tepat di antara pasangan adjektif berdasarkan kesedaran mereka terhadap aktiviti rakit arus deras. Skor mengandungi pengukuran yang bermula dengan 0 cm (rendah) kepada 10 cm (tinggi) (Priest & Bunting, 1993). Pengukuran dilakukan dengan menggunakan pembaris daripada adjektif yang negatif (0 cm) kepada adjektif yang positif (10 cm).

3.4.4 Skala *Leisure Satisfaction*

Manakala bagi mengukur kepuasan peserta, Skala *Leisure Satisfaction* yang dirangka oleh Beard dan Ragheb (1980) digunakan di dalam kajian ini. Skala *Leisure Satisfaction* dipilih sebagai alat ukuran di dalam kajian ini kerana soal selidik ini menilai darjah yang di mana seseorang merasa berpuas hati atau gembira dengan situasi dan

pengalaman kesenggangannya (Beard & Ragheb, 1980). Enam dimensi kepuasan dengan skala likert 5 poin (1=sangat tidak setuju, 5 = sangat setuju) di dalam skala ini ialah:

i. Psikologikal

Komponen psikologikal dinyatakan sebagai faedah-faedah psikologi daripada aktiviti kesengangan seperti keseronokan, kebebasan dan cabaran.

ii. Pendidikan

Pendidikan ditakrifkan sebagai rangsangan intelektual dan bagaimana individu belajar mengenai diri mereka sendiri dan persekitaran mereka.

iii.

 Sosial

Faktor sosial dirujuk sebagai ganjaran hubungan dengan individu yang lain.

iv. Ketenangan

Ketenangan merujuk kepada faktor ketenangan sebagai pelepasan dari ketegangan dan tekanan hidup sehari-hari.

v. Fisiologikal

Faktor fisiologikal dirujuk sebagai kecergasan fizikal, pengawalan berat badan dan kesejahteraan.

vi. Estetik

Estetik adalah satu faktor bagaimana penilaian individu mendapati persekitaran kesengangan yang menyenangkan, menarik, cantik dan direka dengan baik.

3.4.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Manfredo, Driver dan Tarrant (1996) menjalankan satu kajian analisis-meta yang menggunakan Skala REP dan menyediakan bukti kesahan dan kebolehpercayaan skala REP. Data diperoleh daripada 36 kajian yang mengaplikasi skala REP pada pertengahan tahun hingga lewat tahun 1970-an. Untuk mengakses model analisis faktor penegasan, statistik *Root Means Square Residual* (RMSR) dan *Goodness of Fit Index* (GFI) digunakan. Manfredo et. al (1996) membuktikan kesesuaian dalam GFI yang menunjukkan capaian 0.80 dan 0.90 dan RMSR hampir mencapai 0.08. Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan struktur faktor yang dicadangkan dapat membekalkan kesesuaian untuk data pada skala soal selidik. Kesemua GFI berada pada tahap 0.80 dan 0.90, dan RMSR di bawah 0.08. Dapatan ini menyokong kebolehpercayaan sepenuhnya dan menyokong kesahan konstruk skala faktor REP kepada sesuatu had.

Priest dan Bunting (1993) telah melakukan uji dan ulang uji terhadap *Dimension of an Adventure Experience* (DAE) dan mempunyai kebolehpercayaan dengan stabiliti koefisien sebanyak 0.93. Faktor analisis dijalankan dengan memasukkan analisis komponen utama sebagai prosedur pemfaktoran (Nilai Eigen > 1.0) dan putaran orthoran atau varimax sebagai kaedah pembentukan (muatan koefisien > 0.4) (Priest & Bunting, 1993).



Manakala Skala *Leisure Satisfaction* yang asal mempunyai koefisien kebolehpercayaan alfa yang tinggi di antara 0.85 hingga 0.92 merentasi subskala, dan koefisien keseluruhan pada 0.96. Dengan versi Skala *Leisure Satisfaction* yang lebih ringkas dengan 24 faktor, kecekapan instrumen meningkat dan mempunyai kebolehpercayaan secara keseluruhan pada .93 (Beard dan Ragheb, 1980).

3.4.6 Penterjemahan Instrumen

Terjemahan dan ulang terjemahan borang soal selidik telah dilakukan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Hambleton (2005) menyatakan proses terjemahan dalam lima peringkat iaitu; (1) proses terjemahan bermula dengan menterjemah bahasa asal kepada Bahasa Melayu; (2) versi yang telah diterjemah disintesis dan disesuaikan dengan ayat Bahasa Melayu; (3) versi yang telah disintesis dianalisis oleh pakar bahasa; (4) terjemahan semula ke bahasa asal; dan (5) kajian rintis.

Pengkaji telah menggunakan khidmat empat orang penterjemah yang fasih berbahasa Melayu dan Inggeris. Tambahan lagi, dua orang pensyarah dalam bidang rekreasi luar dilantik sebagai panel kepakaran untuk menilai soal selidik dari sudut bidang rekreasi. Penterjemahan instrumen dilakukan daripada Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu oleh dua orang penterjemah. Versi yang telah diterjemah disintesis dan disesuaikan dengan ayat, bahasa dan bersesuaian dengan keadaan dan aktiviti rakit arus deras. Pensyarah dalam bidang rekreasi memeriksa dan mengesahkan kandungan dimensi-dimensi yang terletak di bawah faktor motivasi, risiko, kecekapan dan kepuasan. Seterusnya, penterjemahan semula ke bahasa asal iaitu Bahasa Inggeris dilakukan oleh dua orang penterjemah yang tidak terlibat dengan proses awal





penterjemahan. Hasil terjemahan dibandingkan dengan instrumen asal. Akhir sekali, penyesuaian dan pembetulan dilakukan sebelum instrumen dapat digunakan.

3.4.7 Kajian Rintis

Satu kajian rintis ke atas soal selidik yang digunakan telah dijalankan dengan menggunakan teknik persampelan dua tahap terhadap pelancong yang menyertai aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak. Pada masa yang sama, kajian rintis ini membenarkan pengkaji untuk melaksanakan *Confirmatory Factor Analysis (CFA)* dan Ujian Alfa Cronbach dan menyediakan pandangan yang jelas terhadap reaksi responden ke atas soal selidik yang digunakan. Pengkaji juga dapat memahami informasi penting seperti masa yang diperlukan untuk mengisi borang soal selidik tersebut. Tahap kefahaman responden terhadap soal selidik berkenaan turut dipantau.

Kajian rintis diperlukan untuk kajian ini untuk mengenal pasti:

1. Keterlaksanaan (kesahan dan kebolehpercayaan) untuk menjalankan kajian dalam skala besar.
2. Kekuatan dan kelemahan arahan yang diberikan.
3. Ralat dan kesulitan sebelum kajian yang sebenar dan mengurangkan kelemahan tersebut
4. Kekuatan dan kelemahan prosedur.

Sebanyak 170 borang soal selidik diedarkan, walau bagaimanapun, hanya 161 soal selidik yang lengkap untuk digunakan dalam analisis yang menyumbang kepada kadar respons sebanyak 94.71%. Selepas pengumpulan data kajian rintis, *Confirmatory*





Factor Analysis dijalankan ke atas soal selidik *Dimension of an Adventure Experience (DAE)*. Manakala Ujian Alfa Cronbach dijalankan bagi soal selidik *Recreation Experience Preference (REP)* dan Skala *Leisure Satisfaction*. Ujian-ujian ini dipilih berdasarkan penggunaan daripada kajian-kajian lepas.

Skala REP mengandungi enam faktor iaitu Keterujaan, Pengambilan risiko, Pencapaian, Kecergasan fizikal, Alam semula jadi dan Sosial untuk kajian rintis seperti yang dijelaskan di dalam jadual 3.2. Berdasarkan kajian lepas, ujian Alfa Cronbach dijalankan ke atas instrumen motivasi iaitu REP. Menurut Pallant (2010), untuk mengekalkan variabel-variabel yang terdapat di dalam instrumen, koefisien Alfa Cronbach pada suatu skala perlu mencapai .7 dan ke atas. Dapatan kajian rintis bagi faktor motivasi menunjukkan kesemua variabel yang terdapat di dalam faktor motivasi mempunyai Alfa Cronbach yang koefisien melebihi .7 kecuali variabel sosiabiliti.

Faktor sosiabiliti mencatatkan Alfa Cronbach yang tidak koefisien iaitu .3. Dengan melihat kepada ketiga-tiga item di bawah konstruk sosiabiliti, item ‘untuk bersama mereka yang menikmati perkara yang sama saya lakukan’ menunjukkan min 5.90 dengan sisihan piawai 5.77. Dengan menyingkirkan item ini daripada konstruk sosiabiliti, koefisien Alfa Cronbach meningkat kepada 0.81. Maka, item di bawah konstruk sosiabiliti dikurangkan kepada dua item.



Jadual 3.2

Alfa Cronbach Faktor Motivasi

Variabel	Item	Alfa Cronbach	N
<u>Motivasi</u>			
Keterujaan	4	0.87	161
Pengambilan Risiko	3	0.89	161
Pencapaian	3	0.85	161
Kecergasan fizikal	3	0.84	161
Alam semula jadi	3	0.91	161
Sosiabiliti	2	0.81	161

Confirmatory Factor Analysis (CFA) telah dijalankan ke atas instrumen DAE bagi faktor risiko dan kecekapan. Dapatan bagi kedua-dua faktor daripada analisis ini menunjukkan *factor loading* adalah tidak konsisten dengan dapatan daripada kajian lepas apabila dapatan menunjukkan majoriti *factor loading* adalah di bawah skor 0.5. Morgan dan Stevens (2008) juga mendapati hasil analisis CFA bagi kedua-dua faktor di dalam instrumen DAE tidak selari dengan dapatan kajian yang lepas. Maka, langkah seterusnya ialah dengan menjalankan *Exploratory Factor Analysis* (EFA) bagi kedua-dua faktor tersebut. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan *factor loading* yang tidak relevan bagi kedua-dua faktor risiko dan kecekapan. Morgan dan Stevens (2008) menggabungkan kesemua 12 item risiko menjadikan satu faktor risiko keseluruhan apabila kedua-dua dapatan analisis CFA dan EFA tidak relevan. Oleh yang demikian, dua belas faktor risiko digabungkan membentuk min skor faktor risiko keseluruhan bagi kesemua dua belas item di bawah faktor risiko. Langkah yang sama dilakukan bagi faktor kecekapan untuk membentuk min skor faktor kecekapan keseluruhan bagi kesemua dua belas item di bawah faktor kecekapan. Ujian reliabiliti Alfa Cronbach dijalankan untuk mengenal pasti reliabiliti dalaman bagi faktor risiko dan kecekapan. Nilai Alfa Cronbach bagi faktor risiko ialah .78 manakala nilai Alfa Cronbach bagi faktor kecekapan ialah .87. Bagi Skala *Leisure Satisfaction*, faktor-faktor yang terdapat



di bawah konstruk kepuasan mengandungi faktor Psikologikal, Pendidikan, Sosial, Ketenangan, Fisiologikal, dan Estetik. Rujuk jadual 3.3.

Jadual 3.3

Alfa Cronbach Faktor Kepuasan

Variabel	Item	Alfa Cronbach	N
<u>Kepuasan</u>			
Psikologikal	4	0.76	161
Fisiologikal	4	0.81	161
Pendidikan	4	0.81	161
Ketenangan	4	0.78	161
Sosial	4	0.75	161
Estetik	4	0.76	161

3.5 Proses Pengumpulan Data



3.5.1 Soal Selidik Bahagian Pertama

Soal selidik bahagian pertama merangkumi maklumat sosio-demografi, skala REP dan DAE diedarkan selepas juru pandu selesai memberi taklimat berkaitan aktiviti rakit arus deras kepada peserta. Soal selidik bahagian pertama dijalankan di dewan terbuka, di mana peserta diberikan taklimat. Peserta yang terlibat dalam sesi soal selidik ini diberitahu tentang tiada paksaan dan sukarela untuk menyertai prosedur ini. Seterusnya, penyelidik menerangkan tentang prosedur untuk menjawab soal selidik yang diberi. Akhir sekali, peserta diminta untuk menjawab soalan-soalan tersebut dengan jujur dan benar mengikut apa yang dirasakan yang terbaik. Peserta juga diberitahu tentang maklumat yang diberi akan dirahsiakan.





3.5.2 Soal Selidik Bahagian Kedua

Soal selidik bahagian kedua mengandungi maklumat DAE dan Skala *Leisure Satisfaction* diedarkan kepada peserta selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras. Peserta sekali lagi dimaklumkan dengan prosedur soal selidik dan maklumat dirahsiakan. Kesemua soal selidik dikumpulkan oleh penyelidik dan pelatih bertugas.

Borang maklumat sosio-demografi, soal selidik bahagian pertama dan bahagian kedua dikepilkan bersama. Ini untuk memudahkan penyelidik mengenal pasti borang soal selidik bahagian pertama dan soal selidik bahagian kedua diisi oleh individu yang sama. Peserta diminta untuk menulis nama samaran pada bahagian hadapan borang soal selidik supaya peserta boleh mendapatkan semula set soalan yang sama sebelum dan selepas pengalaman aktiviti rakit arus deras. Soal selidik telah dijalankan bermula 6 Ogos 2015 hingga 15 Oktober 2015 bagi peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak.



Rajah 3.2. Aliran prosedur pengumpulan data

Makluman Awal



Soal Selidik Bahagian Pertama (sebelum aktiviti)	
Seksyen A	Inventori Sosio-Demografi
Seksyen B	Skala <i>Recreation Experience Preferences</i> (REP)
Seksyen C	Skala <i>Dimension of an Adventure Experience</i> (DAE)



Aktiviti dijalankan



Soal Selidik Bahagian Kedua (selepas aktiviti)	
Seksyen D	Skala <i>Leisure Satisfaction</i>
Seksyen E	Skala <i>Dimension of an Adventure Experience</i> (DAE)

3.6 Analisis Data

Data dikumpulkan daripada soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package of Social Sciences (SPSS)* versi 20. Kesemua data dikumpulkan dianalisis secara statistik untuk menjawab persoalan kajian dalam bentuk kuantitatif. Rumusan dan cadangan yang diberi adalah berdasarkan pengumpulan data dan analisis (rujuk jadual 3.4).

Jadual 3.4

Teknik analisis data

Bil	Persoalan Kajian	Teknik Analisis
1.	Apakah faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras?	Analisis Deskriptif
	a. Adakah terdapat perbezaan terhadap faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?	Ujian-T tidak Bersandar
	b. Adakah terdapat perbezaan terhadap faktor motivasi yang mempengaruhi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?	Ujian-T tidak Bersandar
2.	Apakah kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras?	
	a. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?	MANOVA Dua Hala
	b. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran risiko peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?	
3.	Apakah kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras?	
	a. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran kecekapan peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?	MANOVA Dua Hala
	b. Adakah terdapat perbezaan terhadap kesedaran kecekapan	

	peserta sebelum dan selepas penyertaan aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?	MANOVA Dua Hala
4.	Apakah tahap kepuasan peserta terhadap penyertaan aktiviti rakit arus deras yang dilalui?	Analisis Deskriptif
	a. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kepuasan peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras berdasarkan jantina?	Ujian-T tidak Bersandar
	b. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kepuasan peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras berdasarkan pengalaman?	Ujian-T tidak Bersandar
5.	Adakah terdapat hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan peserta?	Ujian Korelasi Pearson



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan peserta dalam aktiviti rakit arus deras dan bagaimana kesemua elemen ini mempengaruhi kepuasan mereka dalam penyertaan aktiviti tersebut. Bab ini menerangkan tentang dapatan kajian hasil daripada data yang telah dianalisis. Pertama, analisis deskriptif dijalankan untuk menjelaskan profil demografi peserta rakit arus deras. Tujuan analisis ini adalah untuk memperoleh maklumat berhubung dengan ciri-ciri peserta berkaitan dengan tahap pengalaman dan jantina. Analisis deskriptif ini juga digunakan untuk merumuskan dapatan min, nilai alfa dan skor-skor penting. Seterusnya, analisis ujian-t tidak bersandar dijalankan bagi menguji perbezaan motivasi mengikut jantina dan tahap pengalaman peserta. Untuk menguji perbezaan bagi kesedaran risiko dan kecekapan pada pra-ujian dan pasca-ujian, ujian MANOVA dua hala dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan di antara peserta lelaki dan perempuan serta peserta berpengalaman dan peserta yang tidak berpengalaman. Bagi menilai faktor





kepuasan, ujian-t tidak bersandar dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan dalam kalangan peserta mengikut jantina dan juga pengalaman. Akhir sekali, ujian korelasi Pearson menjelaskan hubungan di antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras.

4.2 Saringan Data

Saringan data dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan di dalam set data. Kesilapan dalam mengisi data akan mengganggu hasil daripada dapatan kajian. Kaedah yang mudah untuk melakukan saringan data adalah dengan menjalankan analisis frekuensi yang menerangkan nilai setiap variabel. Berdasarkan analisis frekuensi, tidak terdapat kesilapan dalam pengisian data di dalam kajian ini. Seterusnya, analisis demografi peserta dijalankan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai latar belakang peserta rakit arus deras.

4.3 Kehilangan data, Normaliti, dan Outlier.

Sebelum analisis utama dijalankan, kehilangan data, normaliti dan outlier perlu dilakukan terlebih dahulu sebagai pra-analisis. Jadual 4.0 menunjukkan analisis deskriptif taburan normaliti yang diperoleh daripada pra-analisis. Pengukuran item-item yang terlibat di dalam analisis ditunjukkan pada setiap faktor. Pengukuran item min menunjukkan skor 5.396 bagi faktor motivasi, 4.538 bagi faktor risiko (sebelum aktiviti), 5.121 untuk faktor kecekapan (pra-ujian), 3.274 bagi faktor risiko (pasca-



ujian), 6.439 bagi faktor kecekapan (pra-ujian) dan 4.303 bagi faktor kepuasan. Walau bagaimanapun, skor yang utama perlu dilihat adalah pada 5% *trimmed mean*. Skor ekstrem dapat dilihat samada adakah ia memberi pengaruh yang kuat terhadap min dengan membandingkan min asal dengan *trimmed mean* (Pallant, 2010). Dalam kajian ini, perbezaan kedua-dua min bagi tiap-tiap konstruk tersebut tidak mempunyai perbezaan yang ketara seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.0.

Jadual 4.1 menunjukkan statistik normaliti ujian analisis Kolmogorov-Smirnov yang digunakan untuk menjelaskan normaliti (Pallant, 2010). Dapatan yang dikatakan bukan signifikan (nilai signifikan melebihi .05) adalah dapatan yang terserak secara normal (Pallant, 2010). Berdasarkan dapatan kajian, faktor kecekapan (pasca ujian) mencapai taburan normaliti apabila mencatatkan nilai signifikan .087. Manakala, faktor motivasi mencatatkan nilai signifikan .001, faktor risiko (pra dan pasca ujian) serta kepuasan masing-masing mencatatkan nilai signifikan .000, dan .007 bagi faktor kecekapan (pra-ujian). Nilai signifikan bagi faktor-faktor ini kurang daripada .05 yang bermaksud, faktor-faktor tersebut tidak mencapai taburan normaliti. Walau bagaimanapun, dapatan bagi faktor-faktor ini boleh diterima oleh kerana kajian ini menggunakan jumlah sampel yang besar (Pallant, 2010).

Taburan normaliti juga boleh dilihat daripada histogram dan plot normal Q-Q selain ujian Kolmogorov-Smirnov. Bentuk taburan histogram adalah normal dan tidak mempunyai penurunan yang ketara dan peningkatan skor pada setiap kumpulan. Plot normal Q-Q juga menunjukkan dapatan yang normal apabila kesemua nilai taburan tidak tersasar jauh daripada garisan linear (rujuk lampiran).

Jadual 4.0
Statistik Deskriptif Normaliti


Variabel	Item Pengukuran	Statistik	Ralat Pengukuran	
Motivasi	Min	5.396	0.045	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		5.308
		<i>Upper Bound</i>		5.483
	5% Trimmed Mean	5.409		
	Sisihan Piawai	0.897		
Risiko (sebelum aktiviti)	Min	4.538	0.058	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		4.423
		<i>Upper Bound</i>		4.652
	5% Trimmed Mean	4.528		
	Sisihan Piawai	1.173		
Kecekapan (sebelum aktiviti)	Min	5.121	0.069	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		4.986
		<i>Upper Bound</i>		5.256
	5% Trimmed Mean	5.119		
	Sisihan Piawai	1.381		
05 Risiko (selepas aktiviti)	Min	3.274	0.065	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		3.147
		<i>Upper Bound</i>		3.400
	5% Trimmed Mean	3.267		
	Sisihan Piawai	1.296		
Kecekapan (selepas aktiviti)	Min	6.439	0.065	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		6.310
		<i>Upper Bound</i>		6.567
	5% Trimmed Mean	6.434		
	Sisihan Piawai	1.312		
Kepuasan	Min	4.303	0.025	
	95% Min Selingan Keyakinan	<i>Lower Bound</i>		4.254
		<i>Upper Bound</i>		4.352
	5% Trimmed Mean	4.318		
	Sisihan Piawai	.500		

Jadual 4.1
Ujian Normaliti

	Statistik	Kolmogorov-	Sig.
		Smirnov	
		Df	
Motivasi	.062	404	.001
Risiko (pra-ujian)	.068	404	.000
Kecekapan (pra-ujian)	.068	404	.007
Risiko (pasca-ujian)	.056	404	.000
Kecekapan (pasca-ujian)	.068	404	.087
Kepuasan	.098	404	.000

a. Pembetulan Signifikan Lilliefors

Rajah 4.0 menunjukkan ujian kotak-plot di mana terdapat bulatan kecil di dalam rajah tersebut yang dikenali sebagai outlier. Nombor yang tertera pada outlier tersebut ialah nombor data outlier. Pallant (2010) menghuraikan outlier sebagai data yang tersasar terlalu jauh daripada data yang lain dalam suatu rangkaian data. Data dikira sebagai outlier apabila melebihi 1.5 daripada kepanjangan kotak-plot yang bermula daripada hujung kotak tersebut. Outlier perlu dikenal pasti kerana ia akan mempengaruhi dapatan rangkaian data yang dihasilkan. Dengan melihat semula rangkaian data, outlier tersebut tidak menjejaskan data di dalam kajian dan dikekalkan untuk analisis yang seterusnya. Oleh itu, pra-analisis akhir ini menunjukkan jumlah data yang boleh digunakan kekal dengan jumlah 404.



Rajah 4.0. Outlier Ujian Kotak-Plot

4.4 Maklumat Profil Demografi Peserta

Dalam kajian ini, 404 peserta telah mengisi borang soal selidik dengan lengkap semasa proses pengumpulan data. Daripada jumlah keseluruhan 404 peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras, 60.4% atau 244 orang daripada peserta adalah lelaki, manakala 39.6% atau 160 adalah peserta perempuan.

Untuk tujuan kajian ini juga, tahap pengalaman peserta rakit arus deras dikenal pasti. Daripada 404 orang peserta yang terlibat di dalam kajian ini, 70.3% atau 284 orang peserta tidak mempunyai pengalaman di dalam aktiviti rakit arus deras manakala,

selebihnya iaitu 29.7% atau 120 orang peserta mempunyai pengalaman di dalam aktiviti tersebut. (Jadual 4.2).

Jadual 4.2
Statistik demografi profil peserta

No	Item	Frekuensi	Peratus (%)	Peratus Sah (%)	Peratus Kumulatif (%)
1	<i>Jantina</i>	Lelaki	244	60.4	60.4
		Perempuan	158	39.1	39.6
	Jumlah	404	100.0	100.0	
2	<i>Tahap Pengalaman</i>	Berpengalaman	120	29.7	29.7
		Tidak Berpengalaman	284	70.3	70.3
	Jumlah	404	100.0	100.0	

Jadual 4.3 menunjukkan statistik min dan sisihan piawai bagi faktor-faktor yang terdapat di bawah konstruk motivasi. Min tertinggi dicatatkan pada faktor Alam semula jadi ($M = 5.65$, $SD = 1.13$). Diikuti dengan faktor Keterujaan ($M = 5.64$, $SD = 0.92$) yang merupakan motivasi yang kedua tertinggi di dalam kajian ini. Seterusnya diikuti dengan faktor Sosiabiliti ($M = 5.44$, $SD = 1.10$), Pencapaian, ($M = 5.38$, $SD = 1.08$), Aktiviti Fizikal ($M = 5.20$, $SD = 1.15$) dan Pengambilan Risiko ($M = 4.99$, $SD = 1.21$). Motivasi terendah dicatatkan pada pengambilan risiko, yang menunjukkan tarikan utama aktiviti rakit arus deras ini bukan terletak pada risiko yang terdapat di dalam aktiviti ini. Manakala, bagi tiga faktor yang lain iaitu Sosiabiliti, Pencapaian, dan Kecergasan fizikal juga mempunyai nilai min yang tinggi, dan tidak mempunyai

perbezaan yang sangat ketara daripada dua motivasi utama di dalam aktiviti rakit arus deras.

Jadual 4.3

Statistik skor min bagi Faktor Motivasi

Variabel	N	Min	Sisihan Piawai
<i><u>Motivasi</u></i>			
Alam	404	5.65	1.13
Keterujaan	404	5.64	0.92
Sosiabiliti	404	5.43	1.20
Pencapaian	404	5.38	1.08
Kecergasan fizikal	404	5.20	1.15
Pengambilan Risiko	404	4.99	1.21

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju

N = 404

4.5.1 Perbezaan min faktor motivasi bagi jantina

Selepas min bagi motivasi direkodkan bagi keseluruhan peserta rakit arus deras secara umum, berikut merupakan urutan skor min tertinggi bagi faktor motivasi mengikut jantina. Faktor motivasi yang paling mendorong peserta lelaki untuk terlibat di dalam aktiviti rakit arus deras adalah faktor keterujaan ($M = 5.71$, $SD = 0.84$), diikuti oleh alam semula jadi ($M = 5.70$, $SD = 1.16$), sosiabiliti ($M = 5.54$, $SD = 1.06$), pencapaian ($M = 5.46$, $SD = 5.46$, $SD = 1.13$), kecergasan fizikal ($M = 5.29$, $SD = 1.18$) dan pengambilan risiko ($M = 4.97$, $SD = 1.32$). Manakala bagi peserta perempuan, mereka lebih terdorong untuk menyertai aktiviti rakit arus deras atas faktor alam semula jadi ($M = 5.58$, $SD = 1.09$), diikuti oleh keterujaan ($M = 5.55$, $SD = 1.01$), sosiabiliti ($M = 5.28$, $SD = 1.14$), pencapaian ($M = 5.25$, $SD = 1.00$), kecergasan fizikal ($M = 5.08$, $SD = 1.14$), dan pengambilan risiko ($M = 4.97$, $SD = 1.32$).

= 1.10) dan yang terakhir adalah atas faktor pengambilan risiko ($M = 5.04$, $SD = 1.01$). Peserta lelaki menunjukkan tahap motivasi yang tinggi berbanding peserta perempuan kecuali atas faktor pengambilan risiko di mana peserta perempuan menunjukkan skor min yang lebih tinggi daripada peserta lelaki. Jadual 4.4 menunjukkan faktor motivasi bagi peserta lelaki dan perempuan di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min tertinggi.

Jadual 4.4

Faktor motivasi di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan jantina

Motivasi	Lelaki ($n = 244$)		Perempuan ($n = 160$)		
	Min	Sisihan Piawai	Motivasi	Min	Sisihan Piawai
Keterujaan	5.71	0.84	Alam semula jadi	5.58	1.09
Alam semula jadi	5.70	1.16	Keterujaan	5.55	1.01
Sosiabiliti	5.54	1.06	Sosiabiliti	5.28	1.14
Pencapaian	5.46	1.13	Pencapaian	5.25	1.00
Kecergasan fizikal	5.29	1.18	Kecergasan fizikal	5.08	1.10
Pengambilan risiko	4.97	1.32	Pengambilan risiko	5.04	1.01

*Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju
N=404*

Analisis ujian-t tidak bersandar dijalankan untuk menguji jika terdapat perbezaan dalam min faktor motivasi di antara peserta lelaki dan perempuan. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara peserta lelaki dan perempuan pada faktor sosiabiliti ($p < 0.05$). Lima faktor motivasi iaitu Keterujaan, Pengambilan risiko, Pencapaian, Kecergasan fizikal dan Alam semula jadi tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara peserta lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian, jantina peserta tidak memberi pengaruh terhadap motivasi di

dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras kecuali atas faktor sosiabiliti. Skor min faktor sosiabiliti bagi peserta lelaki ($M= 5.53$, $SD = 1.06$) lebih tinggi daripada peserta perempuan ($M=5.29$, $SD = 1.14$); $t(402) = 2.34$, $p = 0.02$. Oleh yang demikian, peserta lelaki lebih mementingkan motivasi sosiabiliti daripada peserta perempuan dalam penyertaan rakit arus deras. (Jadual 4.5).

Jadual 4.5

Perbezaan min faktor motivasi berdasarkan jantina (Ujian-t)

Faktor Motivasi	Jantina	M	SD	Nilai t	df	Sig. (2-tailed)
Alam semula jadi	Lelaki	5.70	1.16			
	Perempuan	5.58	1.09	1.88	402	0.06
Keterujaan	Lelaki	5.71	0.84			
	Perempuan	5.55	1.01	1.65	402	0.10
Sosiabiliti	Lelaki	5.53	1.06			
	Perempuan	5.29	1.14	2.34	402	*0.02
Pencapaian	Lelaki	5.46	1.13			
	Perempuan	5.25	1.00	1.88	402	0.06
Kecergasan fizikal	Lelaki	5.29	1.18			
	Perempuan	5.08	1.10	1.77	402	0.08
Pengambilan risiko	Lelaki	4.97	1.32			
	Perempuan	5.04	1.01	-0.59	402	0.56

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju

N=404

**tahap signifikan ($p < 0.05$)*

4.5.2 Perbezaan min faktor motivasi bagi tahap pengalaman

Dapatan berikut merupakan hasil analisis faktor motivasi mengikut tahap pengalaman peserta di dalam aktiviti rakit arus deras. Bagi peserta berpengalaman, motivasi utama ialah alam semula jadi ($M = 6.04$, $SD = 1.01$), diikuti oleh keterujaan ($M = 5.91$, $SD = 0.83$), sosiabiliti ($M = 5.81$, $SD = 0.88$), pencapaian ($M = 5.62$, $SD = 1.06$), kecergasan fizikal ($M = 5.43$, $SD = 1.09$), dan pengambilan risiko ($M = 5.43$, $SD = 1.09$). Manakala, peserta yang tidak mempunyai pengalaman menunjukkan skor min tertinggi dalam faktor keterujaan ($M = 5.53$, $SD = 0.93$), diikuti oleh faktor alam semula jadi ($M = 5.48$, $SD = 1.14$), sosiabiliti ($M = 5.29$, $SD = 1.15$), pencapaian ($M = 5.27$, $SD = 1.07$), kecergasan fizikal ($M = 5.11$, $SD = 1.16$), dan pengambilan risiko ($M = 5.01$, $SD = 1.07$). Mengikut dapatan kajian, peserta berpengalaman mempunyai motivasi yang lebih tinggi terhadap alam semula jadi sementara peserta yang tidak berpengalaman memilih faktor keterujaan sebagai motivasi utama di dalam aktiviti rakit arus deras. Rujuk jadual 4.6.

Jadual 4.6

Faktor motivasi di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan tahap pengalaman

Berpengalaman ($n = 120$)			Tidak Berpengalaman ($n = 284$)		
Motivasi	Min	Sisihan Piawai	Motivasi	Min	Sisihan Piawai
Alam semula jadi	6.04	1.01	Keterujaan	5.53	0.93
Keterujaan	5.91	0.83	Alam semula jadi	5.48	1.14
Sosiabiliti	5.81	0.88	Sosiabiliti	5.29	1.15
Pencapaian	5.62	1.06	Pencapaian	5.27	1.07
Kecergasan fizikal	5.43	1.09	Kecergasan fizikal	5.11	1.16
Pengambilan risiko	4.95	1.51	Pengambilan risiko	5.01	1.07

*Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju
N=404*

Hasil ujian-t membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan di dalam faktor motivasi bagi peserta berpengalaman dan peserta tidak berpengalaman. Perbezaan yang signifikan direkodkan bagi lima faktor motivasi iaitu Keterujaan, Pencapaian, Kecergasan fizikal, Alam semula jadi, dan Sosiabiliti ($p < 0.05$). Bagi faktor Pengambilan risiko, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara peserta berpengalaman dan peserta yang tidak berpengalaman. Nilai t yang diperoleh bagi faktor keterujaan, $t(402) = 3.86$, $p = 0.00$, alam semula jadi $t(402) = 4.58$, $p = 0.00$, sosiabiliti $t(402) = 2.34$, $p = 0.02$, pencapaian $t(402) = 2.99$, $p = 0.00$ dan kecergasan fizikal $t(402) = 2.60$, $p = 0.01$. Jadual 4.7 menunjukkan perbezaan min faktor motivasi bagi tahap pengalaman.

Jadual 4.7

Perbezaan min faktor motivasi bagi tahap pengalaman (Ujian-t)

Faktor Motivasi	Tahap Pengalaman	M	SD	Nilai t	df	Sig. (2-tailed)
Keterujaan	Berpengalaman	5.91	0.83	3.86	402	*0.00
	Tidak Berpengalaman	5.53	0.93			
Alam semula jadi	Berpengalaman	6.04	1.01	4.58	402	*0.00
	Tidak Berpengalaman	5.48	1.14			
Sosiabiliti	Berpengalaman	5.81	0.88	2.34	402	*0.02
	Tidak Berpengalaman	5.29	1.15			
Pencapaian	Berpengalaman	5.62	1.06	2.99	402	*0.00
	Tidak Berpengalaman	5.27	1.07			
Kecergasan fizikal	Berpengalaman	5.43	1.09	2.60	402	*0.01
	Tidak Berpengalaman	5.11	1.16			
Pengambilan risiko	Berpengalaman	4.95	1.51	-	402	0.62
	Tidak Berpengalaman	5.01	1.07			

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju

N=404

**tahap signifikan ($p < 0.05$)*



Oleh yang demikian, tahap pengalaman peserta di dalam aktiviti rakit arus deras berbeza secara signifikan terhadap motivasi. Peserta berpengalaman mementingkan faktor keterujaan, alam semula jadi, sosiabiliti, pencapaian dan kecergasan fizikal berbanding peserta yang tidak berpengalaman.

4.6 Ujian *Multivariate analysis of variance* (MANOVA)

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua dan ketiga iaitu apakah kesedaran risiko dan kesedaran kecekapan peserta, ujian *Multivariate analysis of variance* (MANOVA) dua hala telah dijalankan. Ujian ini bertujuan untuk mengenal pasti perubahan kesedaran risiko dan kecekapan bagi kumpulan jantina dan tahap pengalaman sebelum dan selepas aktiviti rakit arus deras. Sebelum ujian MANOVA dua hala dijalankan, beberapa andaian perlu dipenuhi untuk mengelakkan dapatan yang tidak sah. Menurut Allen dan Bennett (2012), beberapa andaian perlu dipenuhi supaya ujian MANOVA dapat dilakukan iaitu: (1) tidak bersandar; setiap peserta harus terlibat hanya sekali di dalam kajian dan seharusnya tidak mempengaruhi penglibatan peserta yang lain, (2) saiz sampel; bilangan responden di dalam setiap kumpulan seharusnya lebih besar daripada bilangan pemboleh ubah bersandar, (3) normaliti; taburan normaliti terhadap univariat dan multivariat, (4) multikolineariti; korelasi yang tinggi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar, dan membuatkan penilaian terhadap dapatan MANOVA lebih rumit, (5) lineariti, seharusnya terdapat hubungan kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar, dan (6) kehomogenan matriks varians-kovarians; varians data di dalam kumpulan seharusnya lebih kurang sama.



Andaian yang pertama dan kedua adalah metodologikal dan telah dicapai sebelum dan selepas pengumpulan data. Ujian normaliti univariat telah dilakukan bagi kesedaran risiko dan kecekapan pada pra dan pasca ujian (rujuk jadual 4.1) dan andaian telah dicapai. Seterusnya, tiada outlier multivariat di dalam ujian Jarak Mahalanobis (*Mahalanobis Distance*) apabila nilai Jarak Mahalanobis yang maksimum ialah 13.854. Nilai jarak Mahalanobis ini tidak melebihi nilai kritikal χ^2 untuk $df = 4$ pada $\alpha = .001$ iaitu 18.467. Oleh itu, andaian normaliti multivariat telah dipenuhi (Jadual 4.8). Korelasi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak begitu kukuh, maka tidak terdapat multikolineariti. Seterusnya, andaian lineariti dicapai dengan menggunakan ujian plot taburan (*scatterplot*) yang menunjukkan hubungan yang terdapat di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar secara umumnya adalah linear (rujuk lampiran). Bagi andaian terakhir, kehomogenan matriks varians-kovarians telah dilanggar apabila nilai signifikan $p < 0.001$. Walau bagaimanapun, ujian MANOVA tidak terkesan apabila andaian kehomogenan matriks varians-kovarians tidak dipenuhi kerana saiz sampel melebihi 30 (Allen & Bennett, 2012).

Jadual 4.8

Jarak Mahalanobis

	Minimum	Maximum	Min	Sisihan Piawai	N
Jarak Mahalanobis	.047	13.854	3.990	2.676	404

4.6.1 Kesedaran risiko dan Kecekapan (pra-ujian dan pasca-ujian)

Oleh kerana kesemua andaian telah dicapai dan disokong oleh data, analisis MANOVA dua hala dijalankan. Secara keseluruhan, terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesedaran risiko dan kecekapan peserta di dalam aktiviti rakit arus deras $F(1,400) = 413.89$, $p = .000$, separa $\eta^2 = .51$. Dapatan menunjukkan min tahap risiko menurun daripada pra-ujian ($M = 4.42$, $SD = .06$) kepada pasca-ujian ($M = 3.00$, $SD = .07$). Manakala bagi tahap kecekapan peserta, min bagi tahap kecekapan meningkat daripada pra-ujian ($M = 5.28$, $SD = .07$) kepada pasca-ujian ($M = 6.55$, $SD = .07$). Lihat jadual 4.9.

Jadual 4.9

Min dan Sisihan Piawai bagi Kesedaran risiko dan Kecekapan (pra-ujian dan pasca-ujian)

Item	Ujian	Min	Sisihan Piawai
Risiko	Pra-Ujian	4.42	.064
	Pasca-Ujian	3.00	.066
Kecekapan	Pra-Ujian	5.28	.074
	Pasca-Ujian	6.55	.074

Berdasarkan dapatan min ini, berlaku perubahan terhadap kesedaran peserta di mana peserta menilai tahap risiko telah menurun, manakala terhadap tahap kecekapan mereka dalam mengendalikan aktiviti tersebut meningkat selepas melakukan aktiviti rakit arus deras.

4.6.2 Kesedaran risiko dan Kecekapan Peserta berdasarkan Jantina (pra-ujian dan pasca-ujian)

Dapatan MANOVA dua hala berdasarkan jadual 4.10 mencatatkan perbezaan yang tidak signifikan $F(2, 399) = 2.02$, $p = 0.13$, separa $\eta^2 = 0.01$ yang menunjukkan jantina tidak mempengaruhi kesedaran risiko dan kecekapan peserta di dalam aktiviti rakit arus deras. Min kumpulan untuk setiap pemboleh ubah bersandar ditunjukkan di dalam jadual 4.11.

Jadual 4.10

Perbezaan dalam kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantina (ujian Multivariat)

Effect	Value	F	Error df	Sig.	
Masa*Jantina	Pillai's Trace	0.010	2.017	399.000	0.134

Tahap signifikan ($p < 0.05$)

Jadual 4.11

Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan bagi jantina (pra-ujian dan pasca-ujian)

Item	Tahap Pengalaman	Ujian	Min	Sisihan Piawai
Risiko	Lelaki	Pra-Ujian	4.312	.074
		Pasca-Ujian	3.009	.077
	Perempuan	Pra-Ujian	4.530	.105
		Pasca-Ujian	2.989	.108
Kecekapan	Lelaki	Pra-Ujian	5.488	.086
		Pasca-Ujian	6.623	.086
	Perempuan	Pra-Ujian	5.078	.121
		Pasca-Ujian	6.466	.120

Lelaki, N = 244

Perempuan, N = 160

Oleh yang demikian, tiada perbezaan direkodkan bagi peserta lelaki dan perempuan terhadap kesedaran risiko yang terdapat di dalam aktiviti rakit arus deras dan kecekapan mereka dalam pengendalian aktiviti tersebut.

4.6.3 Kesedaran risiko dan Kecekapan Peserta berdasarkan Tahap Pengalaman (pra-ujian dan pasca-ujian)

Analisis MANOVA dua hala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesedaran risiko dan kecekapan di antara pra dan pasca-ujian bagi peserta berpengalaman dan tidak berpengalaman $F(2, 399) = 20.41, p = .000$, separa $\eta^2 = .093$. (Jadual 4.12).

Jadual 4.12

Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan di antara pra-ujian dan pasca-ujian berdasarkan tahap pengalaman (ujian Multivariat)

Effect	Value	F	Error df	Sig.	
Masa*Tahap Pengalaman	Pillai's Trace	0.093	20.405	399.000	0.000

Tahap signifikan ($p < 0.05$)

Seterusnya, analisis pemboleh ubah bersandar secara berasingan menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap kesedaran risiko $F(1,400) = 86.90, p = .000$, separa $\eta^2 = .018$ dan kecekapan $F(1,400) = 41.42, p = .000$, separa $\eta^2 = .009$ bagi peserta yang berpengalaman dan tidak berpengalaman. Rujuk jadual 4.13.

Jadual 4.13

Ujian Kesan Antara-Subjek

Source	Measure	df	F	Error df	Sig.	Partial Eta Squared
Pengalaman	Risiko	1	86.903	400	.000	.178
	Kecekapan	1	41.423	400	.000	.094

Nilai skor min bagi peserta berpengalaman lebih rendah daripada peserta yang tidak berpengalaman dalam pra dan pasca-ujian manakala, bagi tahap kecekapan, nilai skor min peserta berpengalaman lebih tinggi daripada peserta yang tidak berpengalaman. Dapatan bagi kedua-dua kumpulan ini merekodkan, peserta menyedari tahap risiko yang terdapat di dalam aktiviti rakit arus deras telah menurun, dan berlaku peningkatan pada tahap kecekapan peserta dalam pengendalian aktiviti tersebut. Rujuk jadual 4.14.

Jadual 4.14

Perbezaan kesedaran risiko dan kecekapan bagi tahap pengalaman peserta (pra-ujian dan pasca-ujian)

Item	Tahap Pengalaman	Ujian	Min	Sisihan Piawai
Risiko	Berpengalaman	Pra-Ujian	4.065	.110
		Pasca-Ujian	2.327	.114
	Tidak Berpengalaman	Pra-Ujian	4.776	.066
		Pasca-Ujian	3.672	.068
Kecekapan	Berpengalaman	Pra-Ujian	5.787	.128
		Pasca-Ujian	6.855	.127
	Tidak Berpengalaman	Pra-Ujian	4.780	.077
		Pasca-Ujian	6.234	.076

Berpengalaman, N = 120

Tidak Berpengalaman, N = 284

4.7 Analisis bagi Tahap Kepuasan

Analisis deskriptif dan ujian-t tidak bersandar dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang keempat iaitu, “Apakah tahap kepuasan peserta terhadap penyertaan aktiviti rakit arus deras yang dilalui?”. Secara keseluruhan, peserta merekodkan skor yang tinggi pada tahap kepuasan ($M = 4.30$, $SD = 0.50$). Bagi faktor kepuasan, peserta menunjukkan kepuasan tertinggi pada item Estetik ($M = 4.42$, $SD = 0.51$) dan item Psikologikal ($M = 4.35$, $SD = 0.54$). Manakala, dua item terendah di dalam faktor kepuasan melibatkan item Fisiologikal ($M = 4.22$, $SD = 0.66$) dan item Ketenangan ($M = 4.19$, $SD = 0.61$). Rujuk jadual 4.15.

Jadual 4.15

Statistik skor min bagi Faktor Kepuasan

Variabel	N	Min	Sisihan Piawai
Estetik	404	4.42	0.51
Psikologikal	404	4.35	0.54
Sosial	404	4.35	0.55
Pendidikan	404	4.30	0.60
Fisiologikal	404	4.22	0.66
Ketenangan	404	4.19	0.61
Kepuasan Keseluruhan	404	4.30	0.50

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 7-Sangat Setuju
 $N = 40$

4.7.1 Perbezaan min tahap kepuasan bagi jantina

Jadual 4.16 menunjukkan skor min faktor kepuasan mengikut jantina peserta rakit arus deras. Peserta lelaki merekodkan tahap kepuasan yang tinggi di dalam faktor estetik (M

= 4.40, SD = 0.52), diikuti oleh faktor psikologikal (M = 4.28, SD = 0.55), sosial (M = 4.28, SD = 0.57), pendidikan, (M = 4.22, SD = 0.65), fisiologikal (M = 4.16, SD = 0.70) dan ketenangan (M = 4.13, SD = 0.59). Peserta perempuan juga menunjukkan tahap kepuasan yang paling tinggi dalam faktor estetik (M = 4.45, SD = 0.50), diikuti oleh faktor psikologikal (M = 4.45, SD = 0.52), sosial (M = 4.44, SD = 0.49), pendidikan (M = 4.41, SD = 0.50), fisiologikal (M = 4.30, SD = 0.59) dan ketenangan (M = 4.27, SD = 0.63).

Jadual 4.16

Perbezaan min faktor kepuasan bagi jantina

Kepuasan	Lelaki (n = 244)		Perempuan (n = 160)		
	Min	Sisihan Piawai	Kepuasan	Min	Sisihan Piawai
Estetik	4.40	0.52	Estetik	4.45	0.50
Psikologikal	4.28	0.55	Psikologikal	4.45	0.52
Sosial	4.28	0.57	Sosial	4.44	0.49
Pendidikan	4.22	0.65	Pendidikan	4.41	0.50
Fisiologikal	4.16	0.70	Fisiologikal	4.30	0.59
Ketenangan	4.13	0.59	Ketenangan	4.27	0.63

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju

N=404

Berdasarkan analisis ujian-t tidak bersandar yang dijalankan, terdapat perbezaan yang signifikan di antara peserta lelaki dan perempuan bagi faktor kepuasan. Lima daripada enam faktor di bawah konstruk kepuasan merekodkan perbezaan yang signifikan bagi jantina peserta manakala faktor estetik tidak mempunyai perbezaan yang ketara bagi faktor jantina. Nilai t yang diperoleh bagi faktor kepuasan psikologikal adalah $t(402) = -3.15, p = 0.00$; sosial $t(402) = -2.94, p = 0.00$; pendidikan $t(402) = -3.28, p = 0.00$; fisiologikal $t(402) = -2.05, p = 0.04$; ketenangan $t(402) = -2.23, p = 0.03$ dan estetik $t(402) = -0.97, p = 0.34$. Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada

analisis ujian-t ini, peserta perempuan merekodkan tahap kepuasan yang lebih tinggi berbanding peserta lelaki di dalam aktiviti rakit arus deras ($p < 0.05$). Rujuk jadual 4.17.

Jadual 4.17

Faktor kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan jantina

Faktor Kepuasan	Jantina	M	SD	Nilai t	df	Sig. (2-tailed)
Estetik	Lelaki	4.40	0.52			
	Perempuan	4.45	0.50	-0.97	402	0.34
Psikologikal	Lelaki	4.28	0.55			
	Perempuan	4.45	0.52	-3.15	402	*0.00
Sosial	Lelaki	4.28	0.57			
	Perempuan	4.44	0.49	-2.94	402	*0.00
Pendidikan	Lelaki	4.22	0.65			
	Perempuan	4.41	0.50	-3.28	402	*0.00
Fisiologikal	Lelaki	4.16	0.70			
	Perempuan	4.30	0.59	-2.05	402	*0.04
Ketenangan	Lelaki	4.13	0.59			
	Perempuan	4.27	0.63	-2.23	402	*0.03

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju

N=404

**tahap signifikan ($p < 0.05$)*

4.7.2 Perbezaan min tahap kepuasan bagi tahap pengalaman

Peserta berpengalaman mencatatkan tahap kepuasan yang tinggi dalam faktor estetik ($M = 4.56$, $SD = 0.51$), diikuti oleh psikologikal ($M = 4.45$, $SD = 0.53$), sosial ($M = 4.43$, $SD = 0.57$), pendidikan ($M = 4.3$, $SD = 0.65$), dan ketenangan ($M = 4.32$, $SD = 0.57$) dan fisiologikal ($M = 4.26$, $SD = 0.69$). Begitu juga bagi peserta yang tidak berpengalaman yang mencatatkan kepuasan utama bagi faktor estetik ($M = 4.36$, $SD = 0.50$), diikuti faktor sosial ($M = 4.31$, $SD = 0.53$), psikologikal ($M = 4.30$, $SD = 0.53$),

pendidikan ($M = 4.28$, $SD = 0.58$) fisiologikal ($M = 4.20$, $SD = 0.58$) dan ketenangan ($M = 4.13$, $SD = 0.61$). Lihat jadual 4.18.

Jadual 4.18

Perbezaan min faktor kepuasan bagi pengalaman

Keputusan	Berpengalaman ($n = 120$)		Tidak Berpengalaman ($n = 284$)	
	Min	Sisihan Piawai	Keputusan	Min Sisihan Piawai
Estetik	4.56	0.51	Estetik	4.36 0.50
Psikologikal	4.45	0.53	Sosial	4.31 0.53
Sosial	4.43	0.57	Psikologikal	4.30 0.54
Pendidikan	4.33	0.65	Pendidikan	4.28 0.58
Ketenangan	4.32	0.57	Fisiologikal	4.20 0.58
Fisiologikal	4.26	0.69	Ketenangan	4.13 0.61

*Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju
N=404*

Analisis ujian-t tidak bersandar yang berikut menguji samada terdapat perbezaan bagi tahap kepuasan di antara peserta berpengalaman dan tidak berpengalaman. Berdasarkan data di dalam jadual 4.19, perbezaan yang signifikan dikenal pasti bagi tahap kepuasan berdasarkan tahap pengalaman peserta ($p < 0.05$). Peserta yang berpengalaman menunjukkan tahap kepuasan yang lebih tinggi berbanding peserta yang tidak berpengalaman. Tiga faktor di bawah konstruk kepuasan iaitu estetik, sosial dan ketenangan mempunyai perbezaan yang signifikan bagi tahap pengalaman peserta di dalam aktiviti raket arus deras. Nilai t bagi kepuasan estetik adalah $t(402) = 3.59$, $p = 0.00$; sosial $t(402) = 2.05$, $p = 0.04$ dan ketenangan $t(402) = 2.89$, $p = 0.00$. Manakala, tiga faktor kepuasan iaitu psikologikal, pendidikan dan fisiologikal tidak mempunyai perbezaan yang signifikan di dalam tahap pengalaman peserta. Nilai t bagi kepuasan psikologikal adalah $t(402) = 2.55$, $p = 0.11$; pendidikan $t(402) = 0.75$, $p = 0.45$ dan fisiologikal $t(402) = 0.83$, $p = 0.41$.

Jadual 4.19

Faktor kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras mengikut urutan min berdasarkan pengalaman

Faktor Kepuasan	Tahap Pengalaman	M	SD	Nilai t	df	Sig. (2-tailed)
Estetik	Berpengalaman	4.56	0.51			
	Tidak Berpengalaman	4.36	0.50	3.59	402	*0.00
Psikologikal	Berpengalaman	4.45	0.53			
	Tidak Berpengalaman	4.30	0.54	2.55	402	0.11
Sosial	Berpengalaman	4.43	0.57			
	Tidak Berpengalaman	4.31	0.53	2.05	402	*0.04
Pendidikan	Berpengalaman	4.33	0.65			
	Tidak Berpengalaman	4.28	0.58	0.75	402	0.45
Fisiologikal	Berpengalaman	4.26	0.69			
	Tidak Berpengalaman	4.20	0.58	0.83	402	0.41
Ketenangan	Berpengalaman	4.32	0.57			
	Tidak Berpengalaman	4.13	0.61	2.89	402	*0.00

Nota. 1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju

N=404

**tahap signifikan ($p < 0.05$)*

4.8 Hubungan antara Motivasi, Kesedaran risiko dan Kecekapan terhadap Kepuasan

Untuk mengakses saiz dan arah hubungan yang linear di antara motivasi, risiko, kecekapan dan kepuasan, koefisien korelasi *product-moment Pearson* berbivariat (r) dihitung. Bagi analisis korelasi ini, andaian-andaian normaliti, lineariti, dan *homoscedasticity* dilakukan dan dapatan kajian menyokong untuk ujian korelasi dilakukan. Secara spesifik, pemerhatian secara visual dilakukan terhadap plot Q-Q normal dan plot Q-Q *detrended* bagi setiap variabel dan taburan data adalah normal bagi kesemua variabel yang terlibat.

4.8.1 Motivasi dan Kepuasan

Cohen (1988) menyatakan bahawa nilai koefisien (r) yang lemah adalah di bawah 0.1, 0.3 bagi hubungan yang sederhana dan 0.5 dan ke atas menunjukkan hubungan yang kuat. Hubungan yang positif dan kukuh dikenal pasti di antara faktor kecergasan fizikal di bawah konstruk motivasi dan faktor fisiologikal di bawah konstruk kepuasan $r(402) = .613, p < .001$. Manakala faktor pencapaian di bawah konstruk motivasi menunjukkan hubungan yang positif dan kukuh bagi tiga faktor di bawah konstruk kepuasan iaitu psikologikal, fisiologikal dan pendidikan masing-masing dengan koefisien $r(402) = .507, r(402) = .589$, dan $r(402) = .555, p < .001$. Peserta yang memilih faktor motivasi Kecergasan dalam aktiviti raket arus deras didapati mempunyai hubungan yang tinggi dengan faktor kepuasan Fisiologikal. Peserta yang mempunyai motivasi bagi aspek pencapaian pula didapati mempunyai hubungan dengan faktor kepuasan Psikologikal, Fisiologikal dan Pendidikan. Rujuk jadual 4.20.

Jadual 4.20

Korelasi bagi Faktor Motivasi dan Faktor Kepuasan

Motivasi/Kepuasan	Korelasi Pearson					
	Psikologikal	Fisiologikal	Pendidikan	Ketenangan	Sosial	Estetik
Keterujaan	.330	.308	.363	.339	.342	.347
Pengambilan risiko	.400	.37	.399	.418	.437	.305
Pencapaian	.507**	.589**	.555**	.446	.483	.386
Kecergasan fizikal	.426	.613**	.449	.471	.454	.420
Alam	.376	.425	.389	.380	.356	.373
Sosiabiliti	.337	.291	.339	.343	.368	.328

Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

*** Hubungan yang paling kukuh*

4.8.2 Kesedaran risiko, Tahap Kecekapan dan Kepuasan

Bagi kesedaran risiko dan kecekapan, kedua-dua faktor ini menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap faktor kepuasan. Beberapa faktor di bawah konstruk kepuasan menunjukkan terdapat hubungan yang kuat terhadap faktor risiko dan kecekapan. Dapatan menunjukkan faktor risiko mempunyai hubungan yang sederhana secara signifikan, $p < .001$ terhadap faktor ketenangan dan estetik di bawah konstruk kepuasan. Masing-masing mempunyai nilai koefisien $r(402) = -.332$ dan $r(402) = -.370$. Manakala, faktor kecekapan mempunyai hubungan yang sederhana terhadap faktor psikologikal $r(402) = .369$, fisiologikal $r(402) = .334$, ketenangan $r(402) = .378$, dan estetik $r(402) = .390$ di bawah konstruk kepuasan secara signifikan, $p < .001$. Rujuk jadual 4.21.

Jadual 4.21

Korelasi bagi Faktor Risiko, Kecekapan dan Kepuasan

	Korelasi Pearson					
	Psikologikal	Fisiologikal	Pendidikan	Ketenangan	Sosial	Estetik
Risiko	-.291	-.145	-.154	-.332**	-.294	-.370**
Kecekapan	.369**	.334**	.275	.378**	.294	.390**

Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

***Hubungan yang paling kukuh*

4.9 Rumusan

Bab ini merekodkan proses-proses analisis dan penilaian data. Lima analisis utama dibentangkan dalam bab ini. Bahagian yang pertama menjelaskan dapatan deskriptif termasuk kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Satu ringkasan statistik telah



digariskan termasuk ujian normaliti dan nilai Kolmogorov-Smirnov. Hanya satu daripada pemboleh ubah yang terlibat iaitu tahap kecekapan (pasca-ujian) mencapai normaliti. Beberapa outlier telah dikenal pasti, namun outlier tersebut tidak menjejaskan data di dalam kajian dan jumlah data dikekalkan dengan empat ratus empat orang subjek.

Secara keseluruhan, peserta bermotifkan alam semula jadi untuk melibatkan diri di dalam aktiviti rakit arus deras dan meletakkan faktor pengambilan risiko sebagai motivasi yang paling rendah di dalam kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa jantina peserta tidak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi motivasi peserta apabila tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara peserta lelaki dan perempuan kecuali atas faktor sosiabiliti sahaja. Bagi tahap pengalaman, peserta menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kesemua faktor-faktor di bawah konstruk motivasi kecuali faktor pengambilan risiko. Peserta berpengalaman lebih mengutamakan alam semula jadi sebagai motif utama dalam melibatkan diri di dalam aktiviti rakit arus deras manakala peserta yang tidak berpengalaman mengutamakan keterujaan untuk terlibat dalam aktiviti ini.

Ujian MANOVA dua hala dilakukan untuk menilai data kesedaran risiko dan kecekapan setelah andaian-andaian bagi ujian MANOVA ini dicapai. Dapatan menjelaskan terdapat perbezaan yang signifikan pada kesedaran risiko dan kecekapan peserta secara keseluruhan. Peserta menilai tahap risiko telah menurun manakala tahap kecekapan peserta meningkat daripada pra-ujian kepada pasca-ujian. Secara spesifik pula, kesedaran risiko dan kecekapan mengikut tahap pengalaman peserta mempunyai





perbezaan yang signifikan manakala jantina peserta tidak memberi pengaruh terhadap kesedaran risiko dan kecekapan peserta.

Dapatan menunjukkan peserta yang terlibat di dalam kajian ini mempunyai tahap kepuasan yang tinggi setelah melakukan aktiviti. Peserta menilaikan bahawa faktor estetik, psikologikal dan sosial memberikan kepuasan yang paling utama, dan kepuasan yang terendah dicatatkan pada faktor pendidikan, fisiologikal dan ketenangan. Secara spesifik, jantina dan tahap pengalaman peserta mempengaruhi faktor kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras. Peserta perempuan merekodkan tahap kepuasan yang lebih tinggi berbanding peserta lelaki manakala peserta berpengalaman mencatatkan kepuasan yang lebih tinggi berbanding peserta yang tidak berpengalaman. Faktor estetik mencatatkan skor min tertinggi bagi kedua-dua kumpulan peserta lelaki dan peserta perempuan bagi kepuasan peserta. Kedua-dua peserta berpengalaman dan tidak berpengalaman turut mencatatkan faktor kepuasan estetik sebagai faktor kepuasan yang paling utama di mana peserta berpengalaman mempunyai kepuasan yang lebih tinggi berbanding peserta yang tidak berpengalaman.

Analisis yang terakhir menjelaskan hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras. Hubungan yang positif direkodkan bagi hubungan di antara faktor kepuasan terhadap faktor motivasi dan tahap kecekapan. Kesedaran risiko dan faktor kepuasan pula mempunyai hubungan yang negatif. Faktor motivasi mempunyai hubungan yang paling kuat terhadap kepuasan, diikuti kesedaran kecekapan dan kesedaran risiko. Perbincangan yang lebih mendalam dinyatakan di dalam bab yang seterusnya.



BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan peserta dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras. Bab ini akan membincangkan tentang pencapaian objektif kajian hasil daripada dapatan kajian, implikasi terhadap industri dan akademik, saranan terhadap kajian akan datang dan kesimpulan.

5.2 Perbincangan

Pengkaji telah menjalankan kajian di dalam aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Perak. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti faktor motivasi peserta, kesedaran risiko dan kecekapan peserta sebelum dan selepas melakukan aktiviti dan tahap kepuasan peserta setelah didedahkan dengan aktiviti tersebut. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menjelaskan kepentingan tahap kepuasan peserta di dalam sesuatu aktiviti rekreasi di mana tahap kepuasan yang tinggi akan cenderung untuk mempengaruhi peserta untuk penyertaan semula di dalam aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menyumbang kepada tahap kepuasan peserta untuk menggalakkan penyertaan yang berterusan di dalam aktiviti rekreasi.

5.2.1 Demografi peserta

Berdasarkan analisis demografi, aktiviti rakit arus deras mempunyai penglibatan yang tinggi daripada peserta lelaki iaitu dengan jumlah seramai 244 orang (60.4%) berbanding peserta perempuan dengan jumlah seramai 160 orang (39.6%) daripada jumlah keseluruhan 404 orang peserta yang terlibat di dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan ini, aktiviti rekreasi berasaskan cabaran masih lagi dimonopoli oleh golongan lelaki. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hudson (2003) dan Sung (2004), penyertaan di dalam aktiviti kembara lasak lebih banyak disertai oleh golongan lelaki dan belia. Dapatan ini menyokong dapatan Ewert, Gilbertson, Luo dan Voight (2013) yang menjalankan kajian dalam empat jenis aktiviti rekreasi berasaskan cabaran iaitu memanjat batu, kayak arus deras, kayak laut dan kanu pada enam musim panas berbeza.



Penyertaan peserta lelaki adalah 58.5% manakala penyertaan peserta perempuan adalah 39.5% daripada jumlah keseluruhan iaitu 801 peserta. Secara global, penyertaan peserta lelaki di dalam aktiviti luar juga mengatasi peserta perempuan iaitu 55% penyertaan peserta lelaki dan 45% daripada penyertaan adalah peserta perempuan (The Outdoor Industry Foundation, 2013).

Manakala bagi tahap pengalaman peserta, rata-rata penyertaan peserta di dalam aktiviti rakit arus deras adalah daripada peserta yang tidak berpengalaman iaitu sebanyak 70.3 peratus dan 29.7% adalah peserta yang berpengalaman. Fluker dan Turner (2000) juga mendapati penyertaan peserta yang tidak berpengalaman lebih ramai daripada peserta berpengalaman di dalam aktiviti rakit arus deras yang dijalankan. 76.7 peratus penyertaan adalah daripada peserta yang tidak berpengalaman manakala yang selebihnya iaitu 23.3 peratus adalah peserta yang berpengalaman. Berdasarkan dapatan ini, penyertaan daripada peserta tidak berpengalaman mengatasi penyertaan peserta yang berpengalaman atas faktor tempat aktiviti dijalankan. Ini berikutan daripada Sungai Kampar yang dikelaskan kepada tahap 1 hingga 3, di mana ianya tidak memerlukan kemahiran dan kecekapan yang tinggi untuk melakukan aktiviti rakit arus deras dan bersesuaian untuk penglibatan awal bagi mereka yang ingin mencuba aktiviti ini.

5.2.2 Motivasi

Objektif yang pertama bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak motivasi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras. Faktor motivasi dilihat sebagai elemen yang penting di dalam penyertaan aktiviti kerana ia membantu untuk memahami



objektif pelaksanaan aktiviti tersebut yang dapat mempengaruhi tingkah laku (Whiting, Pawelko, Green & Larson, 2011). Motivasi membantu dalam mengenal pasti mengapa masyarakat melibatkan diri di dalam aktiviti rekreasi dan seterusnya menjelaskan kefahaman kesinambungan daripada penyertaan aktiviti tersebut (Manfredo, Driver & Tarrant, 1996).

Kebanyakan motivasi yang paling utama bagi aktiviti rekreasi berasaskan cabaran adalah faktor alam semula jadi yang mana kepentingan untuk dekat dengan alam semula jadi ini dapat membuatkan peserta menikmati keindahan alam dan merasai persekitaran semula jadi (Wen & Lin, 2012). Hasil daripada analisis kajian ini telah menyokong dapatan kajian-kajian lepas di mana faktor utama yang mendorong peserta untuk menyertai aktiviti rakit arus deras adalah alam semula jadi, diikuti faktor keterampilan, dan sosiabiliti, manakala faktor yang kurang mempengaruhi peserta adalah faktor pencapaian, kecergasan fizikal, dan pengambilan risiko. Hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian disertasi Beckman (2013) yang dijalankan di dalam bidang pelancongan rekreasi berasaskan cabaran yang menekankan keterampilan dan alam semula jadi sebagai motivasi utama untuk melibatkan diri. Dalam kajian Meisel dan Cottrell (2003), peserta aktiviti selam skuba mementingkan motivasi ‘untuk meninjau kehidupan tumbuhan dan haiwan di dalam laut’ di dalam penyertaan aktiviti tersebut. Kouthouris (2009) mendapati faktor alam semula jadi dan faktor keterampilan di antara motivasi yang paling mempengaruhi penyertaan di dalam aktiviti ski rekreasi. Begitu juga dapatan hasil kajian O’Connell (2010) di mana motivasi utama bagi peserta aktiviti kayak laut adalah menikmati alam semula jadi. Khusus kepada aktiviti rakit arus deras, Vagias, Morais dan Dziubek (2005) mendapati “berinteraksi dengan kenalan dan keluarga” dan “menikmati alam semula jadi/ keterampilan” sebagai motivasi yang utama



dalam penyertaan aktiviti ini. Fluker dan Turner (2000) juga mempunyai corak motivasi yang sama di dalam aktiviti rakit arus deras apabila faktor motivasi utama bagi peserta adalah keseronokan, sosial dan alam semula jadi. Secara umumnya, kajian ini mendapati peserta menyertai aktiviti rakit arus deras kerana aktiviti ini melibatkan alam semula jadi dengan menyediakan keseronokan berhadapan dengan jeram-jeram sungai dan peserta mahu menyertai aktiviti ini bersama rakan-rakan dan kenalan.

Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian-kajian lepas di mana faktor risiko tidak memainkan pengaruh yang kuat dalam elemen motivasi peserta aktiviti rekreasi. Dapatan ini selari dengan hasil kajian lepas yang mendapati faktor risiko merupakan motivasi yang kurang mempengaruhi penyertaan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran (Kouthouris, 2009; O'Connell, 2010; Meisel & Cottrell, 2003, Beckman, 2013). Oleh yang demikian, kepentingan faktor risiko sebagai salah satu faktor motivasi diperjelaskan apabila peserta aktiviti rekreasi berasaskan cabaran tidak menjadikan faktor risiko sebagai faktor utama yang mempengaruhi penyertaan mereka di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Namun, kehadiran faktor risiko itu masih diperlukan kerana kajian-kajian lepas merumuskan keinginan untuk menyertai aktiviti-aktiviti ini akan berkurang apabila ketiadaan risiko di dalam aktiviti-aktiviti tersebut (Price & Driscoll, 2010). Menurut Pomfret dan Bramwell (2014), peserta aktiviti rekreasi berasaskan cabaran mengetahui risiko yang terdapat di dalam aktiviti yang disertai, namun ianya bukan menjadi satu motivasi utama yang mendorong kepada penyertaan. Peserta mahukan keseronokan dan mahu mengalami “ketakutan” yang terdapat di dalam aktiviti, namun tidak mahu menjadi sasaran mahupun korban kepada risiko sebenar (Cater, 2006).





Beberapa kajian lepas menunjukkan jantina mempengaruhi faktor motivasi di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mendapati jantina peserta tidak mempengaruhi motivasi peserta di dalam penyertaan aktiviti rakit arus deras walaupun terdapat perbezaan yang kecil di dalam faktor sosiabiliti sahaja. Dapatan kajian ini bercanggah dengan beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa corak motivasi adalah berbeza di antara lelaki dan wanita (Gilbertson & Ewert, 2015; Pomfret &, 2014; Demirhan, Asci, Kangalgil & Saracbası, 2014; Lee, Graefe dan Li, 2007; Todd, Anderson, Young & Anderson, 2002; dan Schuett, 1993). Di dalam kajian ini, peserta lelaki lebih mementingkan faktor sosiabiliti daripada peserta perempuan untuk menyertai aktiviti rakit arus deras. Berbanding dengan dapatan Lee, Graefe dan Li, (2007), dapatan mereka menunjukkan peserta perempuan mempunyai motivasi sosial yang lebih tinggi daripada peserta lelaki di dalam aktiviti berkenu. Dapatan Ewert et. al (2013), juga menyokong dapatan Lee, Graefe dan Li (2007) di mana peserta perempuan lebih mementingkan sosiabiliti daripada peserta lelaki di dalam penyertaan aktiviti memanjat batu, kayak arus deras dan berkenu kerana peserta perempuan dilihat lebih mementingkan pergaulan dengan orang lain, hubungan persahabatan dan kepentingan untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan peserta. Namun, kajian-kajian yang dijalankan tertumpu kepada aktiviti rekreasi perseorangan dan tidak melibatkan aktiviti berkumpulan seperti rakit arus deras. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta lelaki mementingkan sosiabiliti daripada peserta perempuan di dalam aktiviti yang memerlukan penglibatan peserta berpasukan. Oleh kerana aktiviti rakit arus deras didominasi oleh peserta lelaki, mereka lebih merasa selesa bersama rakan dan kenalan untuk melakukan aktiviti rakit arus deras ini bersama-sama. Kepentingan faktor sosial bagi peserta lelaki adalah wajar berikutan keperluan



tenaga berpasukan dan interaksi sebagai medium utama untuk melakukan aktiviti rakit arus deras.

Terdapat beberapa perbezaan corak motivasi mengikut tahap pengalaman peserta di dalam aktiviti rakit arus deras yang telah dikenal pasti di dalam kajian ini. Bagi corak motivasi peserta yang berpengalaman, mereka mengutamakan faktor alam semula jadi untuk terlibat di dalam aktiviti rakit arus deras, diikuti oleh faktor keterujaan, sosiabiliti, pencapaian, kecergasan fizikal dan pengambilan risiko. Manakala peserta yang tidak berpengalaman lebih mengutamakan faktor keterujaan untuk menyertai aktiviti rakit arus deras, diikuti faktor alam semula jadi, sosiabiliti, pencapaian, kecergasan fizikal dan pengambilan risiko. Dapatan ini mengesahkan model rekreasi berasaskan cabaran (Ewert & Hollenhorst, 1989) di mana tahap pengalaman peserta membezakan kecenderungan faktor motivasi mereka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan Meisel dan Cottrell (2003) di dalam aktiviti selam skuba, bahawa penyelam baharu kebanyakannya menyelam kerana cabaran dan keseronokan yang terdapat di dalam aktiviti tersebut, manakala penyelam berpengalaman lebih mengutamakan santai dan nilai-nilai estetik dengan menikmati alam semula jadi. Ewert (1994) juga menyokong kepentingan motivasi peserta berpengalaman terletak pada motivasi peribadi dan estetik. Peserta yang berpengalaman mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi daripada peserta yang tidak berpengalaman apabila min skor di dalam lima faktor motivasi (alam semula jadi, keterujaan, sosiabiliti, pencapaian dan kecergasan fizikal) lebih tinggi berbanding peserta yang tidak berpengalaman.



Dapatan ini merumuskan peserta yang berpengalaman mempunyai tahap motivasi yang lebih kuat untuk mendorong mereka menyertai aktiviti rakit arus deras berbanding peserta yang tidak berpengalaman. Dapatan ini bertepatan dengan pernyataan Todd, Graefe dan Mann (2002), di mana seseorang individu itu akan semakin komited dan serius terhadap aktiviti yang berkaitan apabila semakin kerap menyertai aktiviti tersebut. Todd, Graefe dan Mann (2002) mendapati min skor bagi peserta pemula di dalam aktiviti selam skuba lebih rendah di dalam majoriti faktor motivasi yang dikaji berbanding peserta yang lebih berpengalaman.

5.2.3 Risiko dan Kecekapan

Seperti yang dibentangkan di dalam bab 4, dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan pada kesedaran risiko dan kecekapan peserta, sebelum dan selepas melakukan aktiviti. Teori *Adventure Experience Paradigm* (Martin & Priest, 1986) telah dibuktikan apabila perubahan di dalam kesedaran risiko dan kecekapan berlaku apabila peserta didedahkan kepada aktiviti tersebut. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian lepas yang mengkaji kesedaran risiko dan kecekapan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Perubahan yang sama dilaporkan di dalam kajian Priest dan Carpenter (1993) yang mendapati penurunan terhadap penilaian tahap risiko dalam aktiviti dan peningkatan terhadap kecekapan sendiri mereka. Priest dan Bunting (1993) menunjukkan berlaku penurunan terhadap penilaian tahap risiko dan peningkatan terhadap tahap kecekapan peserta sepanjang tempoh yang diuji dalam aktiviti berkenu arus deras. Begitu juga dapatan hasil kajian Morgan dan Stevens (2008) yang menunjukkan penurunan yang signifikan di dalam tahap risiko dan peningkatan tahap kecekapan di dalam aktiviti selam skuba. Manakala, bagi kajian Vagias, Morais dan





Dziubek (2005) dan kajian Prayag dan Jankee (2009) menunjukkan penurunan tahap risiko selepas penyertaan aktiviti. Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan kesedaran risiko dan kecekapan yang berlaku tidak mengira jenis aktiviti rekreasi berasaskan cabaran yang dijalankan. Peserta menilai risiko yang terdapat di dalam aktiviti yang berkaitan adalah tinggi dan tidak bersamaan dengan tahap kecekapan mereka yang rendah sebelum melakukan aktiviti tersebut. Perubahan berlaku apabila peserta menyedari tahap risiko telah menurun dan tahap kecekapan dalam mengendalikan aktiviti tersebut meningkat setelah merasai dan melakukan aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini membuktikan bahawa pengalaman yang dirasai oleh individu atau peserta di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran mampu merubah kesedaran mereka yang sentiasa melihat aktiviti rekreasi berasaskan cabaran sebagai aktiviti yang mengancam nyawa, sebagaimana mereka melihat keupayaan mereka untuk mengendalikan aktiviti tersebut meningkat setelah melakukan aktiviti itu sendiri.

Kajian-kajian yang mengkaji perubahan terhadap kesedaran risiko dan kecekapan dengan menjalankan soal selidik *Dimension of an Adventure Experience* (DAE) (Priest, 1992a; Priest & Carpenter, 1993; Priest & Bunting, 1993; Morgan & Stevens, 2008) tidak memfokuskan jantungina sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi kesedaran risiko dan kecekapan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Manakala, kajian Prayag dan Jankee (2009) yang mengkaji kesedaran risiko, menunjukkan jantungina tidak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesedaran risiko peserta di dalam aktiviti meluncur angin. Kajian ini cuba untuk mengenal pasti jika peserta lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan dari segi kesedaran risiko dan kecekapan selepas melakukan aktiviti rakit arus deras. Hasil





daripada dapatan kajian ini, peserta lelaki dan peserta perempuan tidak menunjukkan sebarang perbezaan dalam kesedaran risiko dan kecekapan di dalam aktiviti rakit arus deras. Oleh yang demikian, jantina peserta tidak mempengaruhi penilaian terhadap kesedaran risiko dan kecekapan mereka di dalam aktiviti ini.

Bagi tahap pengalaman peserta, kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di dalam kesedaran risiko dan kecekapan di dalam aktiviti rakit arus deras. Dalam pra-ujian, tahap risiko bagi peserta yang berpengalaman lebih rendah berbanding tahap risiko yang dinilai oleh peserta yang tidak berpengalaman. Begitu juga di dalam pasca-ujian yang menunjukkan tahap risiko peserta berpengalaman lebih rendah daripada tahap risiko yang dinilai oleh peserta yang tidak berpengalaman. Robinson (1992) menyatakan bahawa, kesedaran risiko akan berbeza berdasarkan tahap pengalaman seseorang individu itu. Ini bermakna, aktiviti rakit arus deras ini dilihat lebih berisiko kepada peserta yang tidak berpengalaman berbanding peserta yang berpengalaman. Dapatan Morgan dan Stevens (2008) menunjukkan, peserta selam skuba menunjukkan pengurangan dalam tahap risiko dan peningkatan di dalam tahap kecekapan selepas lapan kali penyertaan di dalam aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini merumuskan penyertaan yang kerap mampu mengurangkan tahap risiko peserta yang dinilai di dalam aktiviti rakit arus deras dan meningkatkan kecekapan mereka dalam mengendalikan aktiviti tersebut.

5.2.4 Kepuasan

Secara keseluruhan, peserta rakit arus deras mencatatkan tahap kepuasan yang tinggi apabila min tertinggi bagi tahap kepuasan peserta ialah 4.30. Berdasarkan tahap





kepuasan yang dinilai, aktiviti rakit arus deras ini telah memenuhi kehendak peserta yang menyertai aktiviti ini. Secara spesifik, peserta merekodkan kepuasan yang paling tinggi pada faktor estetik (M= 4.42), diikuti oleh faktor psikologikal (M= 4.35), sosial (M= 4.35), pendidikan (M= 4.30), fisiologikal (M= 4.22) dan akhir sekali faktor ketenangan (M= 4.19). Dapatan ini menunjukkan peserta mempunyai kepuasan yang tinggi terhadap nilai estetik di dalam aktiviti rakit arus deras berbanding faktor-faktor kepuasan yang lain. Berdasarkan tahap kepuasan peserta terhadap faktor-faktor yang berkaitan, aktiviti rakit arus deras ini menyediakan kawasan dan keadaan sekeliling yang baik dan menarik untuk peserta melakukan aktiviti rakit arus deras disamping memenuhi kepuasan psikologikal. Peserta juga lebih berpuas hati apabila melakukan aktiviti ini bersama rakan dan kenalan.



Jantina peserta merekodkan perbezaan yang signifikan di dalam tahap kepuasan peserta. Peserta perempuan merekodkan tahap kepuasan yang lebih tinggi daripada peserta lelaki di dalam aktiviti rakit arus deras. Peserta perempuan mempunyai kepuasan yang tinggi di dalam faktor psikologikal, sosial, pendidikan, fisiologikal dan ketenangan berbanding peserta lelaki. Bagi faktor estetik, tidak mempunyai perbezaan yang signifikan di antara peserta lelaki dan perempuan. Bagi dapatan Burns dan Graefe (2005), peserta perempuan mempunyai tahap kepuasan keseluruhan yang tinggi berbanding peserta lelaki. Dapatan Kovac dan Beck (1997) juga mendapati peserta perempuan lebih berpuas hati dengan pengalaman rekreasi mereka berbanding peserta lelaki. Kedua-dua dapatan ini menyokong dapatan bagi kajian yang dijalankan. Hasil kajian ini membuka peluang yang baik bagi menggalakkan peserta perempuan untuk menyertai aktiviti rakit arus deras kerana penyertaan mereka dilihat kurang daripada peserta lelaki oleh kerana aktiviti ini yang lasak dan mencabar.





Perbezaan yang signifikan direkodkan dalam faktor kepuasan bagi peserta yang berpengalaman dan yang tidak berpengalaman. Peserta yang berpengalaman merekodkan tahap kepuasan yang tinggi berbanding peserta yang tidak berpengalaman di dalam faktor estetik, sosial dan ketenangan. Manakala bagi tiga faktor yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi peserta yang berpengalaman dan yang tidak berpengalaman. Tahap kepuasan yang tinggi direkodkan di dalam kajian Burns dan Graefe (2005) bagi pelancong yang pernah terlibat dengan aktiviti air berbanding peserta yang kali pertama menyertai aktiviti tersebut. Kepuasan yang tinggi bagi penyertaan yang berulang mampu mempengaruhi 'kesetiaan pada destinasi'. Wu dan Liang (2011) mendapati kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras akan terarah kepada penyertaan yang berulang dan lebih setia kepada aktiviti tersebut secara positif.



5.2.5 Hubungan antara Motivasi, Kesedaran risiko dan Kecekapan terhadap Kepuasan

Faktor motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kepuasan ($p < 0.01$). Berdasarkan dapatan kajian, hubungan yang positif dikenal pasti di antara motivasi dan kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Chen (2005) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor motivasi dan kepuasan di dalam aktiviti senggang dan rekreasi. Dapatan ini juga menyokong kajian Beggs dan Elkins (2010) di mana faktor motivasi berhubung kait dengan faktor kepuasan di dalam aktiviti kesengangan dan rekreasi di kampus. Secara terperinci, faktor kecergasan fizikal di bawah konstruk motivasi berhubung kait dengan faktor fisiologikal di bawah konstruk kepuasan. Manakala faktor pencapaian di bawah konstruk motivasi menunjukkan hubungan yang





positif dan kukuh bagi tiga faktor di bawah konstruk kepuasan iaitu psikologikal, fisiologikal dan pendidikan. Walaupun faktor alam semula jadi merupakan motivasi utama bagi peserta rakit arus deras, ianya tidak mempunyai hubungan terhadap kepuasan pada faktor estetik walaupun faktor estetik adalah kepuasan utama di dalam kajian ini. Ini bermaksud, faktor motivasi yang mendorong peserta menyertai rakit arus deras tidak semestinya menjadi faktor yang sama yang menyumbang kepada kepuasan peserta. Motivasi utama iaitu alam semula jadi tidak menjamin kepuasan di dalam faktor estetik bagi peserta rakit arus deras. Dapatan kajian ini juga mendapati peserta menjangkakan kepuasan dari segi fisiologikal apabila mereka menyertai aktiviti rakit arus deras atas dorongan kecergasan fizikal di mana peserta aktiviti rakit arus deras sedia maklum bahawa aktiviti ini mencabar secara fizikal. Peserta juga menjangkakan lebih berkeyakinan, berasa berjaya dan berasa lebih baik jika kepuasan di dalam psikologikal, fisiologikal dan pendidikan dapat dipenuhi. Oleh yang demikian, dapatan ini menunjukkan bahawa apabila peserta sangat bermotivasi untuk menyertai aktiviti rakit arus deras dan keperluan tersebut dipenuhi, maka peserta akan memperoleh kepuasan di dalam aktiviti tersebut. Oleh sebab itu, tahap motivasi peserta mempunyai pengaruh yang positif terhadap kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras.

Morgan dan Stevens (2008) mencadangkan perubahan yang berlaku di dalam kesedaran risiko dan kecekapan dikaitkan dengan hasil atau faedah daripada perubahan tersebut di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji perhubungan kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan di dalam aktiviti rakit arus deras. Kesedaran risiko peserta menunjukkan hubungan yang negatif terhadap faktor kepuasan $r(402) = -0.30, p < 0.01$, dan kesedaran kecekapan peserta menunjukkan hubungan yang positif terhadap faktor kepuasan $r(402) = 0.39, p < 0.01$.





Martin dan Priest (1986) menjelaskan di dalam Paradigma Pengalaman berasaskan Cabaran yang menjangkakan kepuasan yang tinggi apabila kesedaran terhadap tahap risiko dan tahap kecekapan adalah optimal. Dapatan kajian menunjukkan peserta menilai tahap risiko yang rendah ($M = 3.00$, $SD = 0.07$) dan tahap kecekapan mereka yang tinggi ($M = 6.55$, $SD = 0.07$). Mengikut teori Paradigma Pengalaman berasaskan Cabaran (Martin & Priest, 1986), apabila tahap kecekapan yang tinggi berinteraksi dengan tahap risiko yang rendah, cabaran yang dilalui terletak pada Penerokaan dan Eksperimentasi atau Pengembaraan. Kesedaran risiko peserta mempunyai hubung kait dengan faktor ketenangan dan estetik di bawah konstruk kepuasan. Maka, peserta dijangka akan mencapai kepuasan yang tinggi di dalam faktor ketenangan dan estetik apabila peserta menyedari tahap risiko yang dihadapi di dalam aktiviti rakit arus deras berkurangan. Manakala, apabila peserta menilai kecekapan mereka semakin meningkat selepas melakukan aktiviti, peserta akan mengalami kepuasan yang tinggi terhadap faktor psikologikal, fisiologikal, ketenangan dan estetik.

5.2.6 Implikasi Teoretikal

Hasil daripada dapatan kajian mendapati terdapat beberapa implikasi teoretikal yang perlu dibincangkan yang mungkin dapat menyumbang kepada idea baru serta pengetahuan dan teori yang sedia ada. Walaupun implikasi tersebut telah dibincangkan, namun terdapat beberapa implikasi yang masih wajar untuk dijelaskan.

Yang pertama, dapatan kajian mendapati jantina tidak mempengaruhi peserta di dalam faktor motivasi bagi aktiviti rakit arus deras. Dapatan ini telah bercanggah dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menyatakan jantina adalah faktor yang





dijangka akan mempengaruhi faktor motivasi peserta di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran (Gilbertson & Ewert, 2015; Pomfret & Bramwell, 2014; Demirhan, Asci, Kangalgil & Saracbasi, 2014; Lee, Graefe & Li, 2007; Todd, Anderson, Young & Anderson, 2002; Schuett, 1993). Secara spesifik, faktor motivasi sosial sahaja yang dipengaruhi oleh jantina peserta. Kajian ini mendapati peserta lelaki mementingkan motivasi sosial daripada peserta perempuan. Sekali lagi, dapatan ini juga tidak selari dengan dapatan kajian- kajian lepas yang mendapati peserta perempuan lebih mementingkan faktor sosial daripada peserta lelaki kerana peserta perempuan dilihat lebih mementingkan pergaulan dengan orang lain, hubungan persahabatan dan kepentingan untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan peserta. Peserta perempuan juga lebih mementingkan motivasi pasif seperti faktor motivasi sosial berbanding peserta lelaki yang mementingkan motivasi aktif (Pomfret & Bramwell, 2014). Namun, seperti yang dibincangkan, kajian-kajian tersebut tertumpu kepada aktiviti rekreasi perseorangan dan tidak melibatkan aktiviti berpasukan seperti rakit arus deras. Oleh yang demikian, kajian ini menambahkan pengetahuan di dalam bidang rekreasi berasaskan cabaran, di mana peserta lelaki mementingkan motivasi sosial daripada peserta perempuan di dalam aktiviti berpasukan seperti aktiviti rakit arus deras.

Yang kedua, kajian ini menyatukan faktor-faktor di bawah konstruk risiko dan konstruk kecekapan menjadi faktor risiko dan faktor kecekapan secara keseluruhan. Oleh kerana dapatan kajian rintis yang dijalankan ke atas konstruk risiko (ketakutan, eustress dan distress) serta konstruk kecekapan (keupayaan dan tingkah laku) tidak relevan berikutan dapatan ujian *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) tidak mencapai *factor loading* yang ditetapkan, maka kesemua faktor di bawah konstruk risiko dan konstruk kecekapan disatukan menjadi faktor risiko dan kecekapan secara keseluruhan.





Morgan dan Stevens (2008) juga telah menggunakan kaedah yang sama bagi menjalankan kajian ke atas peserta selam skuba. Oleh sebab itu, dapatan kajian ini tidak spesifik kepada faktor-faktor yang dikelaskan di bawah konstruk risiko dan kecekapan.

Kajian ini juga mengemukakan implikasi di mana faktor motivasi yang mendorong peserta menyertai rakit arus deras tidak semestinya menjadi faktor yang sama yang menyumbang kepada kepuasan peserta. Secara keseluruhan, motivasi dan kepuasan menunjukkan hubungan yang signifikan dan kongruen dengan dapatan kajian-kajian yang lepas. Namun, dengan mengkaji faktor yang lebih terperinci, terdapat implikasi utama yang perlu dilihat. Faktor motivasi alam semula jadi tidak berhubung kait dengan faktor kepuasan estetik walaupun kedua-dua faktor tersebut adalah faktor yang utama bagi peserta rakit arus deras. Dapatan Beggs dan Elkins (2010) mendapati faktor sosial merupakan faktor motivasi yang utama di dalam aktiviti rekreasi kampus namun faktor tersebut tidak merupakan faktor yang sama yang mempengaruhi kepuasan terhadap pengalaman mereka. Peserta masih bermotivasikan alam semula jadi walaupun tidak mencapai tahap kepuasan yang tinggi pada nilai estetik dan begitu juga sebaliknya.

5.2.7 Implikasi Praktikal

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan peserta dalam aktiviti rakit arus deras dan bagaimana kesemua elemen ini berkait dengan kepuasan mereka dalam penyertaan aktiviti tersebut. Implikasi dibincangkan bagi membantu operator-operator aktiviti serta pengurus aktiviti rekreasi





berasaskan cabaran untuk memahami corak penyertaan peserta mereka supaya jurang antara permintaan dan penawaran dapat dikurangkan.

Pengaruh motivasi dalam menggalakkan penyertaan di dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran dipersetujui di dalam kajian lepas, lebih-lebih lagi dikaji dalam konteks tahap pengalaman dan jantina peserta (Pomfret & Bramwell, 2014). Maklumat tentang motivasi di dalam rekreasi dan kesenggangan dapat membantu pengurus dan operator aktiviti rekreasi untuk membangunkan program atau aktiviti yang mempunyai konflik yang rendah di antara pengguna dan/atau penghasilan faedah-faedah di dalam aktiviti yang berkaitan (Manfredo, Driver & Tarrant 1996). Hasil daripada kajian ini dapat mengenal pasti corak motivasi bagi peserta aktiviti rakit arus deras. Dapatan kajian ini menunjukkan, peserta menyertai aktiviti rakit arus deras kerana faktor alam



semula jadi yang berkait rapat dengan aktiviti rakit arus deras. Peserta juga mementingkan keterujaan dan penglibatan sosial untuk turut serta di dalam aktiviti ini. Peserta rakit arus deras kurang mementingkan pencapaian, kecergasan fizikal dan pengambilan risiko sebagai motivasi utama di dalam aktiviti ini. Oleh yang demikian, pengurus dan operator aktiviti perlu menitikberatkan peranan alam semula jadi, keterujaan dan sosiabiliti di dalam aktiviti rakit arus deras. Sungai dan jeram merupakan elemen alam semula jadi yang boleh dimanipulasikan oleh juru pandu rakit dalam membekalkan pengalaman yang mengujakan. Laluan sungai dan jeram perlu dititikberatkan dalam membekalkan keterujaan kepada peserta, namun keselamatan juga perlu diutamakan. Pengurus aktiviti juga boleh mempromosikan aktiviti rakit arus deras kepada peserta dan kenalan mereka oleh kerana mereka lebih gemar berkongsi pengalaman di dalam aktiviti ini sesama mereka. Contohnya, satu poster atau pamflet memuatkan tarikan alam semula jadi dan gambaran keterujaan di jeram, serta





mempromosikan harga yang lebih berpatutan apabila menyertai aktiviti bersama kenalan. Bahagian pemasaran aktiviti perlu merancang strategi untuk segmen pasaran yang ada untuk menarik peserta menyertai aktiviti rakit arus deras. Selain itu, operator aktiviti tidak perlu menekankan faktor risiko dan bahaya untuk memberikan gambaran kepada peserta bahawa aktiviti ini berbahaya untuk dilakukan oleh kerana peserta tidak mementingkan pengambilan risiko sebagai motivasi utama. Namun, faktor-faktor keselamatan perlu dititikberatkan bagi memudahkan perjalanan aktiviti semasa pengalaman sebenar.

Dapatan kajian ini mendapati peserta menjangkakan kepuasan dari segi fisiologikal apabila mereka menyertai aktiviti rakit arus deras atas dorongan kecergasan fizikal. Operator perlu membekalkan cabaran ketahanan fizikal dalam aktiviti rakit arus deras supaya peserta dapat memperoleh kepuasan secara fisiologikal. Ianya bersesuaian dengan peserta-peserta yang menginginkan kecergasan fizikal terutama peserta yang menyertai kejohanan dan aktiviti air. Peserta juga menjangkakan lebih berkeyakinan, berasa berjaya dan berasa lebih baik jika kepuasan di dalam psikologikal, fisiologikal dan pendidikan dapat dipenuhi. Bagi dapatan ini, pengkaji mencadangkan pengendalian aktiviti rakit arus deras bagi program khas seperti peserta yang mempunyai keyakinan dan imej sendiri yang rendah dengan mensasarkan kepuasan di dalam psikologikal, fisiologikal dan pendidikan. Contohnya pelajar yang bermasalah dengan misi memperbaiki keyakinan diri dan menginginkan imej sendiri yang lebih baik, operator aktiviti boleh menganjurkan aktiviti rakit arus deras dengan menumpukan keterujaan dan keseronokan melakukan aktiviti di samping mencabar ketahanan fizikal, serta menerapkan proses pembelajaran di dalam aktiviti tersebut.





Dalam mendefinisikan pelancongan berasaskan cabaran, kesedaran risiko perlu diketahui dan dititikberatkan apabila aktiviti tersebut diperjelaskan sebagai salah satu aktiviti pelancongan berasaskan cabaran (Fluker & Turner, 2000). Sebagai salah satu aktiviti komersial dan aktiviti rekreasi berasaskan cabaran, aktiviti rakit arus deras juga menerapkan elemen risiko. Menurut dapatan kajian ini, penilaian tahap risiko peserta menurun setelah melakukan aktiviti rakit arus deras. Ini bermaksud, sebelum mereka didedahkan kepada aktiviti rakit arus deras, kesedaran peserta terhadap aktiviti ini adalah satu aktiviti yang sangat berisiko dan mengundang bahaya kepada mereka. Peranan operator aktiviti perlu mengubah persepsi ini supaya peserta tidak berada dalam keadaan yang ragu-ragu dan lebih yakin untuk melakukan aktiviti. Kesedaran terhadap tahap risiko peserta perlu setimpal dengan tahap kecekapan mereka untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Pengkaji mencadangkan agar operator aktiviti perlu melakukan aktiviti sampingan sebelum peserta melakukan aktiviti rakit arus deras. Aktiviti sampingan ini termasuk aktiviti keyakinan di dalam air, latihan atau kelas permulaan untuk mengendalikan rakit, latihan kecemasan dan sebagainya. Apabila peserta didedahkan kepada aktiviti-aktiviti sampingan ini, kebarangkalian peserta untuk menjadi lebih yakin akan meningkat dan peserta dapat mencapai kepuasan yang optimal. Peserta juga akan lebih mengetahui kecekapan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan aktiviti tersebut. Operator aktiviti juga perlu peka terhadap penilaian kesedaran risiko bagi peserta yang tidak berpengalaman. Oleh kerana penyertaan peserta yang tidak berpengalaman lebih ramai di dalam aktiviti rakit arus deras, operator aktiviti perlu membangunkan satu program khas supaya peserta yang pertama kali menyertai aktiviti ini dapat menikmati dan mengalami keterujaan yang sama seperti peserta yang berpengalaman alami. Contohnya, pengawalan dan pengendalian tahap





risiko perlu lebih ketat, rakit perlu diiringi oleh juru pandu yang menaiki kayak, atau mengaplikasikan lebih dari satu juru pandu di dalam satu rakit.

Kepuasan peserta merupakan konsep asas di dalam rekreasi luar (Floyd, 1997; Herrick & McDonald, 1992). Matlamat utama bagi operator rekreasi adalah kepuasan peserta sebagai produk utama di dalam aktiviti rekreasi (Graefe & Burns, 2013; Drogin, Graefe & Titre, 1990). Ini kerana kepuasan peserta akan mempengaruhi banyak aspek seperti pemilihan destinasi, produk pelancongan, penggunaan perkhidmatan, atau untuk menyertai semula aktiviti yang disertai, atau menyarankan kepada orang lain dan sebagainya (Zheng, 2015). Hasil dapatan kajian mendapati peserta rakit arus deras mempunyai kepuasan yang tinggi di dalam faktor estetik, diikuti faktor psikologikal, sosial, pendidikan, fisiologikal dan ketenangan. Oleh yang demikian, operator aktiviti disarankan untuk memelihara dan mengekalkan nilai estetik pada kawasan rakit arus deras dijalankan, terus membekalkan keterujaan, keseronokan dan kegembiraan dan menggalakkan peserta melakukan aktiviti rakit arus deras bersama kenalan mereka. Oleh kerana objektif utama bagi operator dan pengurus aktiviti rekreasi adalah untuk membekalkan kepuasan yang terbaik kepada peserta, penilaian peserta terhadap pengurusan yang berkaitan dapat membantu pihak operator untuk mengetahui dan mengenal pasti tahap prestasi mereka terhadap perkhidmatan yang mereka tawarkan.

5.2.8 Cadangan untuk kajian lanjutan

Dapatan kajian ini menunjukkan konsistensi dengan teori-teori yang telah dikemukakan di bab 2. Cadangan untuk kajian lanjutan masih perlu dilakukan untuk menguji dan mengesahkan instrumen yang digunakan di dalam pelbagai aktiviti di dalam bidang





rekreasi berasaskan cabaran walaupun sebahagian besar dapatan kajian ini disokong oleh kajian-kajian lepas. Ini bertujuan untuk menyediakan penjelasan yang lebih baik terhadap dapatan dan dapat melihat keupayaan skala instrumen untuk mengukur faktor motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan di dalam persekitaran dan aktiviti yang berbeza. Sebagai contoh, jantina tidak mempengaruhi faktor motivasi secara keseluruhan di dalam kajian ini walaupun kebanyakan kajian-kajian lepas mendapati faktor motivasi berbeza mengikut jantina peserta. Hanya tahap motivasi sosial sahaja yang didapati berbeza bagi jantina peserta. Peserta lelaki mementingkan motivasi sosial lebih daripada peserta perempuan manakala kajian-kajian lepas mendapati sebaliknya. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak analisis empirikal dilakukan bagi mengesahkan dapatan ini.



Selain itu, kajian lanjutan juga diperlukan untuk membangunkan dimensi instrumen motivasi dan kepuasan yang lebih luas oleh kerana instrumen yang digunakan lebih kepada bidang rekreasi luar dan tidak secara terperinci terhadap rekreasi berasaskan cabaran. Oleh yang demikian, dapatan kajian mungkin tidak secara tepat dan jitu terhadap aktiviti rekreasi berasaskan cabaran seperti rakit arus deras. Tambahan pula, kajian lanjutan perlu diperbanyakkan terhadap instrumen *Dimension of an Adventure Experience* (Priest, 1992a) yang mengkaji kesedaran risiko dan kecekapan peserta. Ini kerana kajian ini tidak menggunakan faktor-faktor spesifik yang terdapat di bawah konstruk risiko dan kecekapan. Kajian Morgan dan Stevens (2008) juga mendapati keadaan yang sama apabila faktor ketakutan, eustress dan distress bagi konstruk risiko disatukan menjadi risiko keseluruhan oleh kerana dapatan *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) yang tidak relevan semasa kajian rintis. Kajian empirikal





diperlukan bagi menguji kesahan konstruk instrumen ini seiring dengan perubahan zaman dan aktiviti.

Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada jantina dan tahap pengalaman peserta di dalam aktiviti rakit arus deras, kajian akan datang disarankan untuk mengkaji di dalam konteks umur dan tahap kederasan air sungai yang mungkin mempengaruhi faktor motivasi, kesedaran risiko, kecekapan dan tahap kepuasan. Selain itu, kajian boleh dijalankan terhadap peserta yang menyertai aktiviti rakit arus deras di sungai-sungai yang berlainan seperti Sungai Sedim, Kedah dan Sungai Padas, Sabah serta penglibatan lebih banyak operator aktiviti di dalam kajian untuk melihat jika terdapat generalisasi yang berbeza.



5.3 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan peserta di dalam aktiviti rakit arus deras. Dapatan kajian ini mendapati terdapat hubungan di antara motivasi, kesedaran risiko dan kecekapan terhadap kepuasan peserta. Kesemua dapatan kajian ini menyumbang kepada pengetahuan di dalam aktiviti rakit arus deras terutama corak motivasi, perubahan kesedaran risiko dan kecekapan peserta yang seterusnya mempengaruhi tahap kepuasan mereka. Oleh yang demikian, dapatan ini penting kepada agensi-agensi rekreasi, pengurus dan operator aktiviti rekreasi berasaskan cabaran untuk menggunakan dapatan kajian ini dalam membangunkan strategi perkhidmatan yang lebih baik di dalam segmentasi pasaran yang berkaitan dan memperbaiki kelemahan





produk dalam menarik lebih ramai peserta untuk menyertai aktiviti rakit arus deras. Dapatan kajian ini juga turut menyumbang kepada pengetahuan dan maklumat empirikal di dalam bidang psikologi rekreasi berasaskan cabaran dan pelancongan berasaskan cabaran.





Rujukan

Akis, S., Peristianis, N., & Warner, J. (1996). Residents' attitudes to tourism development: the case of Cyprus. *Journal of Tourism Management*, 17(7), 481–494.

Allen, P., & Bennett, K. (2012). *SPSS: a Practical Guide Version 20.0*. Australia: Cengage Learning Australia.

Allman, T. L., Mittelstaedt, R. D., Martin, B., & Goldenberg, M. (2009). Exploring the Motivations of BASE Jumpers: Extreme Sport Enthusiasts. *Journal of Sport & Tourism*, 14(4), 229-247.

Ardahan, F., & Mert, M. (2013). Impacts of outdoor activities, demographic variables and emotional intelligence on life satisfaction: An econometric application of a case in Turkey. *Social Indicators Research*, 113(3), 887–901.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.



Beard, J. G., & Ragheb, M. G. (1980). Measuring leisure satisfaction. *Journal of Leisure Research* 12(1), 20-33.

Beckman, E. (2013). *The impact of motivations and enduring involvement in an adventure tourism setting*. (Unpublished doctoral thesis). University of Tennessee, Knoxville, United States.

Beggs, B. A., & Elkins, D. J. (2010). The influence of leisure motivation on leisure satisfaction. *The Cyber Journal of Applied Leisure and Recreation Research*. Retrieved from <http://larnet.org/2010-02.html>

Beggs, B. A., Elkins, D. J., & Powers, S. (2005). Overcoming barriers to participation in campus recreational sports. *Journal of Recreational Sports*, 29(2), 143-155.

Bentley, T. A., Page, S. J., & Edwards, J. (2008). Monitoring injury in the New Zealand adventure tourism sector: An operator survey. *Journal of Travel Medicine*, 15(6), 395–403.

Bentley, T. A., Page, S. J., & Laird, I., (2001). Accident in the New Zealand adventure tourism industry. *Safety Science*, 38, 31–48.

Buckley, R. C., (2006). Adventure tourism research: A guide to the literature. *Tourism Recreation Research*, 31(2), 75-83.





- Burns, R.C., & Graefe, A.R. (2005). Customer satisfaction at water-based outdoor recreation settings: Understanding differences across market segments. *The Cyber Journal of Applied Leisure and Recreation Research*. Retrieved from <http://larnet.org/2005-02.html>.
- Carpenter, G. & Priest, S. (1989). The adventure experience paradigm and non-outdoor leisure pursuits. *Leisure Studies*, 8(1), 65-75.
- Carr, A. (2001). Alpine adventurers in the Pacific Rim: The motivations and experiences of guided mountaineering clients in New Zealand's Southern Alps. *Pacific Tourism Review* 4(4), 161–170.
- Cater, C. I. (2006). Playing with risk? Participant perceptions of risk and management implications in adventure tourism. *Tourism Management*, 27(2), 317–325.
- Chen, C. H. (2005). *Personality traits and their relationship to leisure motivation and leisure satisfaction in Southern Taiwan university students*. (Unpublished doctoral thesis). University of the Incarnate Word, San Antonio, Texas.
- Cohen, J. W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd Ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cordes, K. A., & H. M. Ibrahim (2003). *Application in recreation and leisure for today and in the future* (3rd Ed.). Boston: WCB/McGraw-Hill.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston, MA: Pearson.
- Csikszentmihalyi, M., & Csikszentmihalyi, I.S. (1991). *Adventure and the flow experience*. In J.C. Miles and S. Priest (Eds.). *Adventure Education*, (pp. 149- 155). State College, PA: Venture Publishing.
- Curtis, E. A., Comiskey, C., & Dempsey, O. (2016). Importance and use of correlational research. *Journal of Nurse Researcher*, 23(6), 20–25.
- Davis-Berman, J., & Berman, D. (2002). Risk and anxiety in adventure programming. *Journal of Experiential Education*, 25(2), 305–310.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.





- Demirhan, G., Asci, F.H., Kangalgil, M. and Saracbası, O. (2014) Perception of risk and attractiveness of extreme sports among Turkish University students. *Hacettepe Journal of Sport Sciences* 25(1), 11–22.
